



## BAB KELIMA

### PROSEDUR SULH MENURUT KAEDAH TATACARA MAL (SULH) SELANGOR 2001 [KTM(S)S 2001]

#### 5.1. Pengenalan :Latar Belakang Sejarah Penggubalan Acara Mal di Malaysia

Pada asasnya Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai dua bidang kuasa iaitu Bidang Kuasa Mal dan Bidang Kuasa Jenayah. Begitu pun, sebelum penggubalan beberapa kaedah dalam pengendalian perbicaraan dan pembicaraan, hakim-hakim selalunya terperangkap dalam situasi perjalanan perbicaraan dan pembicaraan yang tidak lancar. Menurut Mahmood Saedon dan Ahmad Ibrahim kelemahan ini adalah hasil dari tidak adanya acara jenayah dan mal yang jelas, lengkap dan mudah difahami yang boleh menjadi panduan kepada hakim-hakim dan para peguam di mahkamah Syariah. Para hakim menjalankan perbicaraan berdasarkan kefahaman dan pengalaman sendiri tentang acara mal. Mereka tidak pernah dilatih atau diperlengkapkan dengan pengetahuan berkaitan perbicaraan sebelum dilantik menjadi hakim.<sup>1</sup>

Umumnya Mahkamah Syariah hanya mempunyai acara mal yang ringkas dan diperuntukkan secara bersama dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri-negeri. Contohnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, No. 3 Tahun 1952 hanya mempunyai 18 seksyen berhubung dengan peraturan perbicaraan

<sup>1</sup>Mahmud Saedon A.Othman (1984), "Ke arah Mempertingkatkan Mahkamah Syariah" dalam (1984) 5 JH (1) 19, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Islam, JPM. Ahmad Ibrahim "Acara Mal Syariah" dalam Ahmad Ibrahim (ed) (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 193

iaitu dari seksyen 76 hingga seksyen 83.<sup>2</sup> Selain dari ringkas ia juga merupakan manifestasi dari prinsip Acara Mal yang diamalkan di Mahkamah Awam, malah ia telah menjadikan peraturan mal Mahkamah Awam Rendah sebagai rujukan terakhir dalam perkara-perkara yang tidak diperuntukkan di dalam acara itu.

Peruntukan ini telah mendorong masalah kepada para hakim kerana mereka tidak dilatih untuk menggunakan prosedur ini, tambahan pula ia ditulis dalam bahasa Inggeris. Seperti yang dimaklumi agak sukar untuk mendapatkan hakim mahkamah syariah yang boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Sesungguhnya kekurangan ini telah menyulitkan pentadbiran kehakiman dan undang-undang Islam serta menampakkan kelemahan Mahkamah Syariah.<sup>3</sup>

Pada tahun 1984 negeri Kedah telah mewartakan Enakmen Acara Mal Islam 1979 yang lebih terperinci, kemas dan berasingan daripada Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Enakmen ini mengandungi 275 seksyen dan telah menjadikan Hukum Syarak sebagai rujukan terakhir jika terdapat lakuna dalam acara tersebut. Langkah ini kemudiannya diikuti oleh negeri Kelantan, di mana negeri ini juga pada 31 Januari 1985 telah mewartakan acara mal yang dikenali sebagai Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984. Enakmen ini mengandungi 273 seksyen dan dibahagikan kepada 35 bahagian.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup>Rujuk sek. 76 hingga sek. 83 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, No. 3 Tahun 1952. Enakmen yang sama juga terpakai di Wilayah Persekutuan, lihat juga seksyen 121 hingga seksyen 137 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Trengganu 1986

<sup>3</sup>Mahmud Saedon A.Othman (1984),*op.cit.*, h. 19, Ahmad Ibrahim (1997) *op.cit.*, h. 197

<sup>4</sup>*Ibid.*

Meskipun enakmen-enakmen acara ini dianggap antara yang terbaik dan menepati kehendak acara mal Islam namun ia masih mengandungi beberapa kekurangan dan kelemahan terutamanya dari sudut peruntukan itu sendiri. Terdapat beberapa peruntukan yang kurang jelas dan tidak diperuntukkan di dalamnya. Untuk mengatasi kelemahan dan melengkapkan enakmen acara ini, satu Draf Undang-Undang Acara Mal Wilayah Persekutuan 1988 telah digubal. Dengan penggubalan undang-undang acara ini beberapa peruntukan baru telah dimasukkan dan antaranya ialah peruntukan mengenai sulu yang diperuntukkan dalam sek 87 draf tersebut.

### 5.1.2. Acara Mal Sulu

Pada hakikatnya peruntukan mengenai sulu telah pun ada di dalam undang-undang Melayu lama.<sup>5</sup> Contohnya di dalam Undang-undang Melaka, peruntukan mengenai acara sulu telah diperuntukkan dalam fasal 32 undang-undang berkenaan.<sup>6</sup> Fasal ini menyebut bahawa sulu dengan *igrār* adalah harus dilakukan dan hukum sulu

<sup>5</sup>Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa sebelum kedatangan Inggeris tidak wujud undang-undang yang berdaulat di Semenanjung Tanah Melayu. Hakim Acton dan Hakim Thomas dalam kes *Ramah Iwn Laton* berpendapat bahawa undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing di negeri Melayu tetapi undang-undang tempatan dan undang-undang negeri. Lihat [1927] 6 *F.M.S.L.R.* 128. Undang-undang Melaka merupakan undang-undang bertulis yang pertama yang dilaksanakan di Semenanjung Tanah Melayu. Winstedt menyatakan bahawa Melaka adalah negeri Melayu yang pertama yang melakukan kompilasi undang-undang. Oleh kerana kebanyakan negeri-negeri Melayu berada di bawah Kerajaan Melaka maka undang-undang ini mempunyai pengaruh yang luas dan berkesan di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Johor, Perak, Pahang dan Kedah. Selepas kejatuhan Melaka kepada Portugis pada tahun 1511 negeri-negeri Melayu ini masih tetap melaksanakan undang-undang yang dipengaruhi oleh undang-undang Melaka samada secara langsung atau tidak langsung. Lihat R.O.Winstedt "A History of Classical Malay Literature: Digest of Law", *J.M.B.R.A.S.*, monograf no. 5 on Malay Subject, 31:3 (1958), h. 136.

Para pengkaji seperti William R. Roff dan Alfred P. Rubin berpendapat pada dasarnya undang-undang ini berasaskan undang-undang Islam di samping Undang-undang Adat Melayu. Lihat William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 6. dan Alfred P. Rubin (1974) *The International Personality of The Malay Peninsula: A Study of The International law of Imperialism*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 7

<sup>6</sup>Liaw Yock Fang (1976), *Undang-Undang Melaka*, The Hague, Netherlands, Fasal 32. Undang-Undang Melaka yang diselenggarakan oleh Liaw Yock Fang mengandungi 44 fasal dan Risalah Hukum Kanun Melaka yang diselenggarakan oleh Ph.S Ronkel mengandungi 27 fasal .

meliputi enam perkara iaitu jual beli, hutang piutang, upahan, pelepasan, sewaan dan pinjaman.<sup>7</sup> Peruntukan yang sama juga terdapat dalam fasal 28 Undang-Undang Pahang. Cuma istilah *sulh* di dalam undang-undang ini disebut sebagai “*sileh*”.<sup>8</sup> Pada dasarnya peruntukan *sulh* dalam undang-undang ini adalah adaptasi kepada peruntukan fiqh mazhab Syafi'i dalam bab *al-sulh* dan tidak khusus kepada kes-kes kekeluargaan sahaja.

Selepas kedatangan Inggeris pada tahun 1786<sup>9</sup> dan kemasukan pengaruh undang-undang Inggeris dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu, maka pengaruh undang-undang Inggeris juga turut berkembang sehingga berjaya mempengaruhi undang-undang Islam yang telah menjadi undang-undang asas negeri-negeri Melayu. Kesan dari pengaruh undang-undang Inggeris, maka pelaksanaan undang-undang Islam telah disempitkan hanya kepada hal-hal yang berhubung dengan warisan dan kekeluargaan sahaja.<sup>10</sup> Sehubungan itu, selain dari peruntukan *sulh* dalam undang-undang zaman Kesultanan Melayu, ia tidak pernah diperuntukkan dalam mana-mana peruntukan undang-undang sehinggalah penggubalan Draf Rang Undang-Undang

<sup>7</sup>ibid., h. 35. Pada hakikatnya peruntukan ini lebih merupakan terjemahan dari kitab-kitab fiqh yang berbahasa Arab, terutamanya kitab fiqh mazhab Syafie seperti Matn al-Ghayah wa al-Taqrīb karangan Abu Syujā' al-Asfihānī. Liaw menjelaskan bahawa sesetengah peruntukan dalam bab mu'amalat dalam Undang-Undang Melaka dinaqal dari ulasan yang dibuat ke atas kitab al-Isfihani oleh Ibn Qāsim al-Ghazzi dalam kitab *Fatḥ al-Qarīb* dan Ibrāhīm al-Bājūrī dalam kitabnya *Hāshiyah 'alā Fatḥ al-Qarīb*

<sup>8</sup>John E. Kempe & R.O. Winstedt (ed) (Received Disember 1947) “A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah Sultan of Pahang 1952-1614 A.D.” [1948] JMBRAS, Vol. 21 Bhg.1

<sup>9</sup>Meskipun Belanda pernah menjajah negeri-negeri Melayu namun penjajah Belanda tidak campurtangan dalam urusan pentadbiran undang-undang di negeri-negeri Melayu. Rakyat terus dibiarkan mengikut undang-undang yang ada pada masa itu.

<sup>10</sup>William R. Roff (1967),*op.cit.*, h. 114

Acara Mal Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1984.<sup>11</sup> Draf undang-undang ini kemudiannya telah diperuntukkan sebagai Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah 1991 di Selangor dan Ordinan Acara Mal Syariah Syariah 1991 di Sarawak. Suhu telah diperuntukan dalam seksyen-seksyen 87 hingga 93 Acara Mal berkenaan.<sup>12</sup>

Untuk menyelaras serta memastikan keberkesanan pelaksanaan sulu seperti yang diperuntukkan di dalam Acara Mal negeri-negeri,<sup>13</sup> satu Kaedah Tatacara Mal (Suhu) telah didraf oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Kebangsaan.<sup>14</sup> Kaedah ini digubal mengikut kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 247(1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 Akta 585. Tindakan ini diambil hasil daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Tindakan bagi Menanggani Masalah Kelewatan serta Kelemahan Perjalanan Kes-kes Mahkamah Syariah pada Julai 2001. Draf ini kemudiannya di kenali sebagai Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Suhu) Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998. Sebagai percubaan, pelaksanaan sulu telah dimulakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 17

<sup>11</sup> Walaupun sulu pernah diamalkan melalui cadangan oleh hakim atau perundingan antara pihak-pihak samada melalui atau tanpa Peguam Syarie

<sup>12</sup> Lihat Ahmad Ibrahim (1997), *op.cit.*, h. 197. Lihat juga seksyen 87 hingga 93 Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991 dan Ordinan Acara Mal Syariah Sarawak 1991

<sup>13</sup> Seksyen 87 hingga 93 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Selangor) No 7 / 1991 dan ss.87-93 Ordinan Acara Mal Syariah Syariah (Sarawak) (No.7 / 1991) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) S. 94.

<sup>14</sup> Bahagian ini ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Induk Mengkaji Undang-Undang Syarak dan Sivil Bahagian Hal Ehwal Islam JPM. Lihat Mahmud Saedon (1998) A. Othman (1998) *Institusi pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: DBP, h. 260

November 2001.<sup>15</sup> Pemakaian sulu juga telah diperluaskan ke negeri-negeri lain mengikut Arahan Amalan No.3 Tahun 2002 JKSM berkenaan "Pemakaian Sulu"<sup>16</sup>

Perkembangan yang sama telah berlaku di sesetengah negara yang mempunyai penduduk Islam dan di beberapa negara umat Islam yang lain. Negara-negara tersebut telah memperuntukkan kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian seperti sulu, atau mediasi dalam sistem penghakiman sebagai alternatif kepada proses perbicaraan.

Di Singapura, seperti yang dijelaskan sebelum ini kaedah sulu bagi menyelesaikan pertikaian telah pun dilaksanakan oleh kadi dan kaunselor di Mahkamah Syariah Singapura semenjak ianya ditubuhkan. Secara amalannya proses ini bertujuan untuk mendamaikan kembali suami isteri. Dengan perkataan lain kaedah ini hanya melibatkan usaha perdamaian bagi menyatukan kembali suami isteri. Pelaksanaan kaedah ini telah diperkemaskan lagi mulai bulan September 1999 selepas Akta Pentadbiran Hukum-Hukum Islam (AMLA) dipinda dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1999. Setelah pindaan pada tahun 1999, sulu telah dikendalikan oleh dua

---

<sup>15</sup> Di Wilayah Persekutuan sebelum perlantikan Pegawai Sulu dibuat proses sulu telah dilaksanakan oleh Pendaftar atau Hakim MRS. Menurut Hakim MRS W. Persekutuan mulai Januari 2002 sehingga 28 Februari 2002 sebanyak lima kes telah dikendalikan. Kes-kes tersebut terdiri daripada tuntutan-tuntutan: Perintah taat, ta'liq, ubah perintah, nafkah 'iddah dan tunggakan nafkah dan pengkomitan. Daripada lima kes yang diselesaikan dua tuntutan (perintah taat dan nafkah 'iddah dan tunggakan nafkah) telah berjaya diselesaikan manakala dua kes lagi (ta'liq dan ubah perintah) gagal diselesaikan dan satu kes (pengkomitan) masih dalam proses penyediaan draf terma-terma perjanjian persetujuan bersama. Secara jelasnya prosedur ini telah dilaksanakan menurut Manual Kerja Sulu yang telah digubal untuk tujuan panduan bagi pegawai-pegawai Sulu

Maklumat terbaru yang diterima Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah pun melantik pegawai khusus yang bertaraf jawatan tetap untuk mengendalikan prosedur sulu

<sup>16</sup> Arahan Amalan No.3/2002 Pemakaian Sulu, JKSM

orang pengantara (mediator) yang dilantik khusus untuk mengendalikan kes-kes tuntutan yang berbangkit dari sesebuah perceraian.<sup>17</sup>

### **5.1.2. Pelaksanaan Sulh di JAKESS**

Pada tahun 1948 apabila Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah ditubuhkan maka usaha menggubal undang-undang telah dilakukan. Usaha ini telah melahirkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952. Undang-undang ini dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952 dan mula dikuatkuasakan pada 5 Disember 1952. Dengan tergubalnya undang-undang ini maka termansuklah undang-undang yang terdahulu daripadanya.<sup>18</sup> Bagaimana pun undang-undang ini telah mengalami pindaan sebanyak tujuh kali iaitu pada tahun 1960, 1961, 1962, 1969, 1972 dan 1979.<sup>19</sup>

Berasaskan kepada seksyen 44(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3/1952<sup>20</sup> inilah Mahkamah Syariah telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Mahkamah Kadhi Besar dan Mahkamah Kadhi Litar. Kes-kes rayuan pula dibicarakan oleh Jawatankuasa Ulangbicara yang merupakan Mahkamah Rayuan bagi

<sup>17</sup>YAA Tuan Hj Sallim Jasman, "Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian di Mahkamah Syariah Singapura" kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam di IKIM pada 5-6 Nov 2001, h. 4

<sup>18</sup>Undang-Undang Mencegah Berzina Tahun 1894 dan Undang-Undang Pendaftaran Nikah Kahwin dan Cerai Orang-Orang Islam 1900.

<sup>19</sup>Pada umumnya pindaan ini dibuat untuk mengemaskinikan pentadbiran undang-undang tersebut

<sup>20</sup>Enakmen ini merupakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang pertama digubal di Malaysia (Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu).

segala keputusan Mahkamah Syariah. Pada peringkat awalnya pengurusan mahkamah-mahkamah ini telah ditadbir oleh JAIS.<sup>21</sup>

Pada tahun 1984 Undang-undang Keluarga Islam Selangor No. 4 tahun 1984 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 23 Januari 1989 di seluruh negeri Selangor. Ia dikenali sebagai Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2/1989 Pelaksanaan undang-undang ini telah memansukhkan bahagian ke 6, 7 seksyen 155, 156, 158, 160 dan 178 perenggan (n) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3/1952. Pada tahun 1991 pentadbiran Mahkamah Syariah Selangor telah diasingkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia ditadbir dan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Selangor.<sup>22</sup> Mahkamah Kadhi Besar dan Mahkamah Kadhi Litar yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3/1952 telah dimansukhkan dan hiraki mahkamah telah diganti dengan Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah Selangor. Mahkamah-mahkamah rendah daerah juga telah ditubuhkan di sepuluh buah daerah di seluruh negeri Selangor.<sup>23</sup>

Dengan demikian Negeri Selangor mempunyai sepuluh buah Mahkamah Rendah Syariah iaitu MRS Petaling Jaya, MRS Gombak Timur (Keramat), MRS Gombak Barat (Kuang), MRS Hulu Selangor, MRS Klang, MRS Kuala Langat, MRS

<sup>21</sup> Pada peringkat awal, mahkamah syariah merupakan satu unit di JAIS, tetapi kemudian berkembang menjadi Bahagian Kehakiman dan Pentadbiran Undang-undang Syariah dan diketuai oleh seorang Kadi Besar.

<sup>22</sup> Pengasingan ini adalah berdasarkan Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2/1989. Lihat juga Kertas Cadangan Pemisahan Mahkamah Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan daripada Jabatan Agama Islam Selangor, 1985.

<sup>23</sup> Sejarah penubuhan Mahkamah Syariah di Negeri Selangor, atas talian mampusrv.mmu.edu.my/msyhl/sejarah, 20 September 2003; JAKESS di [www.selangor.gov.my/mss](http://www.selangor.gov.my/mss) 30 Julai 2003

Hulu Langat, MRS Sepang, MRS Kuala Selangor dan MRS Sabak Bernam. Dan sebuah Mahkamah Tinggi Syariah bagi seluruh negeri Selangor yang terletak di Shah Alam.<sup>24</sup>

Pada 15 Disember 1998 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaras dan mempertingkatkan pengurusan keadilan syariah di Malaysia. Antara pembaharuan yang telah dilakukan oleh JKSM ialah mewujudkan perkhidmatan gunasama pegawai syariah, mengendalikan persidangan tahunan pegawai syariah se Malaysia, mengendalikan mesyuarat ketua-ketua hakim syarie, mengeluarkan arahan amalan, menyelaras sistem kod pendaftaran kes-kes syariah, menyelaras bentuk fail kes-kes syariah dan menyelaras sistem pengurusan rekod di mahkamah syariah.

Pada 30 Jun 2003 mesyuarat ketua-ketua hakim mahkamah syariah telah memutuskan untuk menyelaras nama Mahkamah Syariah kepada Jabatan Kehakiman Syariah negeri. Mahkamah Syariah Selangor telfah menerima pakai dan melaksanakan keputusan tersebut dan Mahkamah Syariah Selangor kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan (JAKESS). JAKESS pada dasarnya bertanggungjawab mengurus perjalanan kes Mal dan Jenayah di semua peringkat mahkamah, iaitu Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah.

---

<sup>24</sup>Pada tahun 2002 sebuah lagi mahkamah rendah daerah ditubuhkan di Shah Alam dan dikenali sebagai MRS Shah Alam dan mula beroperasi semenjak September 2002. Tuan Abu Bakar Daud (Pendaftar Jakess) "Mahkamah Syariah Selangor: Dulu Lain Sekarang Lain" dalam kertas kerja Seminar Undang-Undang Islam Negeri Selangor Darul Ehsan, di Kelab Shah Alam, Selangor pada 2 Oktober 2003, h. 8-17

JAKESS dalam usahanya merealisasikan kehendak masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih bersifat kekeluargaan telah mengambil tindakan proaktif dengan menawarkan perkhidmatan penyelesaian kes secara sulh. Dalam konteks ini, mengikut kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 254 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor No. 7 tahun 1991,<sup>25</sup> negeri Selangor telah mewartakan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Sulh Selangor 2001 [KTM(S)S 2001] pada bulan Disember 2001 mengikut Warta Kerajaan Negeri Selangor Sel. P.U.44.<sup>26</sup>

## 5.2. Objektif Pelaksanaan Sulh

Dalam banyak hal, penyelesaian kes melalui proses perbicaraan mengundang berbagai-bagai kekurangan dan kelemahan kepada pentadbiran Mahkamah Syariah samada dari segi prosedur perbicaraan, keputusan-keputusan serta tempoh perbicaraan atau jangkamasa sesuatu kes diputuskan.<sup>27</sup> Jelasnya, matlamat pelaksanaan sulh ialah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini dan paling utama ialah untuk mempercepatkan proses penyelesaian sesuatu kes dan seterusnya mengurangkan kes-kes tertangguh di mahkamah.

<sup>25</sup> Enakmen ini dikenali sekarang sebagai Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 dan kuasa ini diperuntukkan di bawah s.147 (1) (c) ETMMS(S) 2003

<sup>26</sup> Untuk maklumat lanjut sejarah Mahkamah Syariah Selangor dan Jakess sila lihat, atas talian [mampusrv.mmu.edu.my/msyhl/sejarah](http://mampusrv.mmu.edu.my/msyhl/sejarah), akses pada 20 September 2003; JAKESS di [www.selangor.gov.my/mss\\_30\\_Julai\\_2003](http://www.selangor.gov.my/mss_30_Julai_2003), dan Tuan Abu Bakar bin Haji Daud (Pendaftar Jakess) dalam kertas kerja "Mahkamah Syariah Selangor: Dulu Lain, Sekarang Lain" dibentangkan di Seminar Undang-Undang Islam Negeri Selangor Darul Ehsan, Anjuran JAKESS pada 2 Oktober 2003, Kelab Shah Alam, Selangor.

<sup>27</sup> Lihat Utusan Malaysia 20/8/02, "Kes Tertangguh-Tanggani Dengan Bijak", 28/5/01 Mahkamah Syariah Mahkamah Kelas Dua?, Berita Harian-Edisi Tengah 23/12/03 "Jakess berjaya Tingkat Prestasi Pengurusan", Berita Minggu 27/4/03 "Perlantikan Pegawai Sulh atasi kes tertangguh", Harian Metro 9/2/04 "Selesai masalah secara rundingan" Berita Harian-Ekonomi 9/10/03 "Negeri Selangor warta lima Enakmen Syariah baru

**Jadual 5.1: Statistik Kes Suhu di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Selangor Untuk Tempoh Mei 2002 – Mei 2003**

Senarai Mahkamah	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh
			Berjaya	Bicara	
MTS Shah Alam	0	159	33	68	59
MRS Shah Alam	0	129	62	47	20
MRS Klang	0	271	240	24	7
MRS Kuala Langat	0	73	66	6	1
MRS Kuala Selangor	0	91	58	31	2
MRS Sabak Bernam	0	73	61	9	3
MRS Petaling Jaya	0	204	118	80	6
MRS Gombak Barat	0	90	61	23	6
MRS Gombak Timur	0	89	49	38	2
MRS Hulu Langat	0	178	150	27	1
MRS Sepang	0	97	80	11	6
MRS Hulu Selangor	0	75	51	24	0
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>1529</b>	<b>1029</b>	<b>387</b>	<b>113</b>

**Jadual 5.2: Statistik Kes Suhu di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Selangor Untuk Tempoh Mei 2002 – Disember 2003**

Senarai Mahkamah	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh
			Berjaya	Bicara	
MTS Selangor	0	300	88	151	61
MRS Shah Alam	0	239	131	83	25
MRS Klang	0	387	348	37	2
MRS Kuala Langat	0	148	121	23	4
MRS Kuala Selangor	0	161	104	53	4
MRS Sabak Bernam	0	111	96	12	3
MRS Petaling Jaya	0	331	215	107	9
MRS Gombak Barat	0	154	102	37	15
MRS Gombak Timur	0	145	87	54	4
MRS Hulu Langat	0	306	258	47	1
MRS Sepang	0	132	106	25	1
MRS Hulu Selangor	0	141	92	37	12
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>2555</b>	<b>1748</b>	<b>666</b>	<b>141</b>

Sumber: Pegawai-Pegawai Suhu Jakess

Pemerhatian awal (Jadual 5.1) membuktikan bahawa semenjak 1/5/2002 apabila prosedur suhu mula beroperasi dan pegawai-pegawai suhu di Mahkamah-mahkamah Syariah di Selangor memulakan tugas sehingga 31/5/2003 laporan statistik telah direkodkan dengan pendaftaran sebanyak 1529 kes di mana 1416 kes (92%) daripadanya telah berjaya diselesaikan dengan 1029 kes (67.3%) mencapai penyelesaian secara suhu. Manakala 387 (25.3%) memilih perbicaraan dan 113 kes (7.4%) lagi ditangguhkan.

Jadual 5.2 pula menunjukkan dari tempoh Mei 2002 hingga Disember 2003, dari 2555 kes yang didaftarkan, 1748 kes atau 68% berjaya diselesaikan secara suhu, 666 kes atau 26% memilih perbicaraan dan hanya 141 atau 6 % daripadanya ditangguhkan. Sesungguhnya kenyataan ini menunjukkan bahawa objektif kepada pelaksanaan kaedah suhu telah menampakkan kesannya.

Manakala jadual 5.3 ialah statistik mengikut kategori kes yang dikemukakan sepanjang Januari hingga Oktober 2003 yang berjaya diselesaikan secara suhu. Statistik ini menunjukkan bahawa kes-kes perceraian merupakan kes yang paling banyak berjaya diselesaikan secara suhu. Ini bukanlah suatu yang menghairankan, kerana kes-kes perceraian adalah kes yang paling banyak dituntut di mahkamah.

**Jadual 5.3: Statistik Mengikut Pecahan Kes (Januari-Okttober 2003)**

Kategori Kes/Seksyen	Baki	Daftar	Selesai		Tangguh	Jumlah/Peratus	
			Berjaya	Bicara		a <sup>28</sup>	17 (70.8%)
Perkahwinan						a <sup>28</sup>	(70.8%)
13	1	1	0	1	1		
18 (1c)	0	1	0	1	0		
23	1	20	17	1	1	b <sup>29</sup>	(1.2%)
Perceraian							
45	46	255	217	28	48	a	657 (68.6%)
47	94	508	423	81	98		
49	0	1	1	0	0		
50	16	28	12	13	19	b	(47.6%)
53	4	6	4	3	3		
Peruntukan Kewangan							
58	34	34	12	21	35	a	89 (26.0%)
122	2	2	1	1	2		
60	12	16	7	6	15		
61	0	1	1	0	0	b	(6.5%)
66	14	19	11	5	17		
67	2	8	5	3	2		
70	4	4	3	1	4		
73	74	86	43	36	81		
76	20	10	6	2	22		
Hadanah						a	2(16.7%)
82	9	3	2	1	9		
Lain-lain						a	22 (46.6%)
148	10	25	19	3	13		
154	3	3	2	1	3		
155	1	2	0	1	2		
168	0	1	0	0	1	b	(1.6%)
<b>Jumlah</b>	<b>347</b>	<b>1034</b>	<b>786</b>	<b>209</b>	<b>376</b>	<b>1381<sup>30</sup></b>	<b>56.9%<sup>31</sup></b>

Sumber: Statistik Mengikut Pecahan Kes Oleh Pegawai-Pegawai Sulu Jakess

<sup>28</sup>(a)Jumlah ini merujuk kepada kes yang berjaya diselesaikan mengikut kategori. Manakala peratus tersebut merujuk kepada kes yang berjaya diselesaikan secara sulu mengikut kategori-kategori berikut: Perkahwinan; Perceraian; Peruntukan Kewangan; Hadanah dan Lain-lain. Pengiraan berdasarkan formula berikut: Jumlah Kes Berjaya  $\times 100 +$  Jumlah Kes Baki+Kes Daftar (mengikut kategori) = %?

<sup>29</sup>(b)Peratus ini pula merujuk kepada jumlah bagi setiap kategori kes yang berjaya diselesaikan secara sulu, dari keseluruhan kes yang didaftarkan. Formula [Jumlah kes yang berjaya  $\times 100 +$  Jumlah keseluruhan kes yang berbaki +kes yang didaftarkan] (sepanjang Januari hingga Oktober 2003)

<sup>30</sup>Bilangan 1381 ialah jumlah keseluruhan kes yang berbaki dan didaftarkan untuk tempoh bulan Januari hingga Oktober 2003. Kes-kes di bawah sek.49, 50 dan 52 tetap didaftarkan di bawah seksyen berkenaan meskipun tuntutan ditukar kepada sek. 47

<sup>31</sup>Peratus keseluruhan (56.9%) dari jumlah kes yang berjaya diselesaikan secara sulu iaitu 786 (Jumlah kes yang berjaya  $\times 100 +$  jumlah kes baki+daftar)

Kajian ini seterusnya akan membincangkan secara detil mengenai prosedur pencapaian suhu dalam tuntutan yang berbangkit dari sesuatu perceraian di mahkamah-mahkamah Syariah di negeri Selangor menurut KTM(S)S 2001.

### **5.3. Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Suhu) Selangor 2001**

Sungguhpun kaedah penyelesaian secara suhu ini mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2001 akan tetapi ia hanya beroperasi secara rasmi di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh Negeri Selangor hanya pada 1 Mei 2002. Operasi ini bermula dengan perlantikan Pegawai Syariah Gred L3 secara kontrak seramai sepuluh orang oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk berkhidmat sebagai Pegawai Syariah (Suhu) di sembilan buah Mahkamah Rendah Syariah di Selangor dan seorang di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.<sup>32</sup>

Pada peringkat awal pelaksanaan setiap mahkamah mempunyai seorang Pegawai Suhu yang dilantik atas jawatan Pegawai Syariah gred LS 41 secara kontrak, kecuali di MRS Hulu Selangor yang tidak mempunyai Pegawai Suhu tetapi tugas-tugas mengendalikan majlis suhu dijalankan oleh Pegawai Suhu dari MRS Gombak Barat. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh jumlah kes yang terlalu rendah yang dipohon di mahkamah berkenaan, dan pihak pentadbiran berpendapat bahawa tugas-

---

<sup>32</sup>YAA Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman "Penyelesaian Kes-kes Kekeluargaan Islam Melalui Manual Kerja Suhu", kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Keperluan Manual Mengenai Undang-Undang Keluarga Islam, 3-4 Sept 2002, IKIM, h. 6-8. Oleh kerana MTS mempunyai dua dewan dan seorang pegawai suhu tidak mampu menampung kesemua kes-kes yang dikemukakan di kedua-dua dewan tersebut maka bermula tahun 2004 MTS S.Alam telah melantik seorang lagi pegawai suhu untuk menampung kekurangan tersebut. Oleh yang demikian MTS sekarang mempunyai dua orang pegawai suhu

tugas itu boleh dikendalikan secara bersama oleh Pegawai Suhu dari mahkamah lain.<sup>33</sup> Untuk melengkap dan melicinkan lagi proses pengurusan kes, bermula pada tahun 2004 seorang lagi pegawai suhu telah dilantik di MRS Hulu Selangor dan seorang lagi di MT Selangor. Dengan demikian Mahkamah Tinggi Selangor mempunyai dua orang Pegawai Suhu untuk mengendalikan dua Dewan Mahkamah.<sup>34</sup>

Bagi melaksanakan KTM(S)S 2001 satu Manual Kerja Suhu telah digubal untuk diguna pakai dan dipatuhi oleh semua Pegawai Suhu. Antara objektif manual kerja ini ialah untuk memperjelas dan menyeragamkan prosedur yang perlu diikuti oleh semua pegawai suhu dalam mengendalikan Majlis Suhu .

### 5.3.1. Definisi

Kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Suhu) Selangor 2001. Oleh kerana terma suhu dalam kaedah ini tidak didefinisikan secara khusus maka seksyen 245(2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 hendaklah dirujuk. Seksyen ini menjelaskan:

“Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai *Hukum Syarak*”

<sup>33</sup>Rujuk Berita Harian 4/9/2002 “Mahkamah Syariah Selangor Lantik 11 Pegawai Suhu”, Utusan Malaysia 16/9/2002 “Mahkamah Syariah Selangor Jadi Perintis”. Temubual dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 11/8/2003 jam 8.30 pagi

<sup>34</sup>Pegawai Suhu MRS Gombak Barat telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Selangor dan seorang pegawai yang baru telah dilantik di MRS Gombak Barat. Oleh kerana MTS mempunyai dua Dewan, maka dengan hanya seorang pegawai yang ada tidak dapat menampung jumlah kes yang tinggi di kedua-dua Dewan tersebut

Dengan lain perkataan kekurangan yang terdapat dalam peruntukan ini haruslah di atasi dengan rujukan kepada Hukum Syarak. Oleh yang demikian ia dapat mengelakkan penafsiran yang berbagai-bagai terhadap pengertian suluhan dan seterusnya memberikan implikasi terhadap pelaksanaannya.<sup>35</sup>

### 5.3.2. Penetapan Tarikh Suluhan

Menurut Kaedah 3 KTM(S)S 2001, Pendaftar selepas menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kausa tindakan dan dia berpendapat ada kemungkinan yang munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak kepada tindakan itu, Pendaftar hendaklah tidak menetapkan tarikh perbicaraan bagi tindakan itu dalam tempoh tiga bulan dan dia hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah menetapkan tarikh bagi pihak-pihak yang terlibat untuk mengadakan suluhan. Pendaftar juga hendaklah menyampaikan notis kepada pihak-pihak yang berkenaan mengenai tarikh yang telah ditetapkan untuk menjalani proses suluhan.

Menurut Pegawai Suluhan Mahkamah Tinggi Syariah, pada peringkat awal pelaksanaan, notis ini disampaikan melalui borang 2 (saman)<sup>36</sup> dengan matlamat supaya pihak-pihak tidak mempunyai alasan untuk menidakkannya penyampaiannya. Ini

<sup>35</sup> Lihat YAA Ketua Hakim Syarie Dato' Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman, "Suluhan dan Hakam Dalam Undang-Undang Keluarga Islam" kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Serantau Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita pada 9-10 Mac 1998 di IKIM, lihat juga Tuan Drs. Atras Bin Haji Mohamad Zin, "Teori Perlaksanaan Majlis Suluhan di Mahkamah Syariah Selangor" kertas kerja dibentangkan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Shah Alam pada 8 Ogos 2002

<sup>36</sup> Borang 2 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991

kerana saman mestilah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan ditandatangani bukti penerimaannya.<sup>37</sup>

Jika notis itu dihantar melalui pos pelbagai kemungkinan boleh berlaku seperti hilang, tidak sampai kepada pihak yang berkenaan atau pihak-pihak sendiri sengaja menafikan penerimaan notis tersebut dengan tujuan melarikan diri dari tuntutan.

Namun, atas pandangan bahawa notis yang disampaikan dalam bentuk saman agak tidak bertepatan dengan maksud sulh yang bersifat harmoni, maka ia kemudiannya dihantar dalam bentuk notis panggilan. Begitu pun tindakan ini dilihat telah memberikan kesan terhadap kerjasama sesetengah pihak-pihak untuk hadir ke majlis sulh apabila mereka bersikap “tidak endah” terhadap notis tersebut.

Kaedah ini tidak menetapkan masa tertentu bagi pihak-pihak mengadakan sulh dan terpulanglah kepada budi bicara Pendaftar untuk menentukan tarikh yang sesuai bagi pihak-pihak mengadakan sulh. Walau bagaimana pun Pendaftar haruslah memberi perhatian kepada piagam mahkamah yang menjanjikan setiap permohonan akan disebut dalam tempoh dua puluh satu hari selepas didaftarkan.<sup>38</sup>


Dalam keadaan ini, seseorang Pendaftar bertanggungjawab memastikan piagam tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dari segi praktiknya Majlis Sulh akan

<sup>37</sup> Temubual bersama Pegawai Sulh Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 26hb. Sept. 2003 jam 11 pagi

<sup>38</sup> Y.A.A Dato' Sheikh Ghazali b. Abdul Rahman Ketua Pengarah JKSM dalam kertas kerja "Penyelesaian Kes-kes Kekeluargaan Islam melalui Manual Kerja Sulh" di Seminar Keperluan Manual Mengenai Undang-Undang Keluarga Islam pada 3 - 4 September 2002 di IKIM, Kuala Lumpur lihat juga Arahan Amalan No.2 Tahun 2001, Had Masa Sebutan dan Perbicaraan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

diadakan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pendaftaran kes dilakukan.<sup>39</sup> (Lihat Jadual 5.4 carta alir pelaksanaan sulh).

**Jadual 5.4:Carta alir pelaksanaan Sulh Mahkamah Syariah Selangor**



Sumber: Pamphlet (Sulh) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor D.Ehsan

<sup>39</sup> Temubual dengan Pegawai Sulh MRS Klang pada 25hb Februari 2003 jam 11.30 pagi dan Pegawai Sulh MRS Hulu Langat pada 7 Mac 2003 jam 8.30 pagi.

Secara umumnya, carta di atas menunjukkan bahawa proses penyelesaian sesuatu kes akan dapat dipercepatkan berbanding proses perbicaraan biasa. Dari segi praktiknya, sesuatu kes hanya memerlukan tempoh minima sehari untuk diselesaikan dalam jarak masa yang kurang dari 2 jam dan ia kadang-kadang melibatkan hanya sekali perjumpaan secara bersama.

Samada proses sulh diselesaikan dengan hanya satu kali perjumpaan atau lebih, ia banyak bergantung kepada pegawai sulh yang mengendalikannya, latar belakang sesuatu kes dan sikap pihak-pihak yang bertikai. Sesetengah pegawai sulh menggunakan paling kurang 2 kali perjumpaan untuk menyelesaikan sesuatu kes, di mana perjumpaan pertama merupakan sesi perbincangan dan perundingan, manakala sesi kedua adalah untuk menandatangani perjanjian. Dengan ertikata lain, pihak-pihak diberikan ruang untuk berfikir tentang persetujuan yang telah dicapai sebelum menandatangani perjanjian persetujuan tersebut.<sup>40</sup>

Sesetengah pegawai sulh pula bergantung kepada kategori atau jenis kes yang dikemukakan, samada rumit atau mudah. Bagi kes-kes yang rumit berkemungkinan mengambil masa sehingga tiga kali perjumpaan. Jika kes tersebut mudah dan ringkas iaitu pihak-pihak telah membuat persetujuan di luar mahkamah dan datang ke mahkamah hanya untuk membuat endosmen terhadap perjanjian yang telah dipersetujui atau kes itu mendapat kerjasama yang baik dari kedua-dua pihak ia hanya melibatkan satu kali perjumpaan sahaja. Tempoh masa yang singkat ini biasanya melibatkan kes-kes permohonan di bawah seksyen 23, 45 atau 47, di mana pihak-

---

<sup>40</sup> Temubual dengan Pegawai Sulh MRS S.Alam pada 13hb November 2003 jam 10.00 pagi

pihak kepada permohonan itu hadir bersama-sama ke mahkamah untuk memfaikan tuntutan. Dalam konteks ini, jika pihak-pihak selepas mendaftarkan kes mereka, bersedia untuk terus mengadakan suluhan, maka pada hari yang sama juga majlis suluhan diadakan, dan jika majlis suluhan berjaya mencapai penyelesaian, pengerusi akan mengemukakannya kepada hakim untuk dikeluarkan perintah penghakiman. Situasi ini juga bergantung kepada ruang masa yang ada semasa pendaftaran kes dilakukan.

Untuk melihat secara lebih jelas mengenai tempoh yang diambil bagi menyelesaikan sesuatu kes, kajian telah dilakukan ke atas kes-kes yang telah dipohon untuk diselesaikan secara suluhan. Sebagai sampel sebanyak 500 kes telah dipilih secara rawak dari berbagai jenis kes yang diputuskan melalui suluhan sepanjang tahun 2002 hingga 2003. Tempoh penyelesaian yang dimaksudkan ialah dari tarikh pendaftaran kes dibuat sehingga tarikh persetujuan tersebut dikemukakan kepada hakim untuk diputuskan sebagai penghakiman berasaskan persetujuan bersama.<sup>41</sup> Jadual 5.5 di bawah menunjukkan tahun daftaran bagi kes-kes yang dikaji manakala jadual 5.6 menunjukkan tempoh penyelesaian mengikut jenis-jenis kes yang dipohon.

#### Jadual 5.5: Tarikh Pendaftaran Kes

Tahun	Bilangan	Peratus
2001	2	0.4
2002	183	36.6
2003	315.	63.0
<b>Jumlah</b>	<b>500</b>	<b>100</b>

<sup>41</sup> Kes-kes ini ialah kes yang diputuskan melalui Majlis Suluhan sepanjang Mei 2002 hingga Disember 2003 dan dikumpulkan secara rawak dari MRS Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak Barat, Gombak Timur, Hulu Langat dan Sepang. Begitu pun terdapat kes-kes yang didaftarkan sebelum pelaksanaan suluhan pada bulan Mei 2002 dan jika hakim berpendapat ada ruang untuk diselesaikan secara suluhan maka kes ini juga akan dirujuk kepada Majlis Suluhan.

**Jadual 5.6: Tempoh Penyelesaian Mengikut Jenis Kes**

<b>Jenis Kes<sup>42</sup></b>	<b>Tempoh Penyelesaian</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Peratus</b>
Poligami S.23	1 bulan	10	2.0
	3 bulan	5	1.0
	5 bulan	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>3.2</b>
Pengesahan Cerai S.45	1 bulan	64	12.8
	3 bulan	73	14.6
	5 bulan	13	2.6
	7 bulan	8	1.6
	9 bulan <sup>43</sup>	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>159</b>	<b>31.8</b>
Permohonan Cerai S.47	1 bulan	133	26.6
	3 bulan	97	19.4
	5 bulan	23	4.6
	7 bulan	2	0.4
	9 bulan <sup>44</sup>	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>256</b>	<b>51.2</b>
Ta'liq S. 50	1 bulan	1	0.2
	3 bulan	4	0.8
	<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>1.0</b>
Fasakh S.53	1 bulan	-	-
	3 bulan	3	0.6
	<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>0.6</b>
Mut'ah S. 58	1 bulan	-	-
	3 bulan	6	1.2
	5 bulan	-	-
	<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>1.2</b>
Nafkah Isteri S. 60	1 bulan	1	0.2
	3 bulan	3	0.6
	5 bulan	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>1.0</b>

<sup>42</sup>Susunan seksyen bagi jenis-jenis kes ini adalah mengikut peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 – ETMMS(S) 2003

<sup>43</sup>Kes ini di daftarkan pada tahun 2001 dan ditangguhkan sehingga kes prosedur suhu dilaksanakan. Kes ini kemudiannya dirujuk kepada Majlis Suhu

<sup>44</sup>Ibid

**Jadual 5.6:Sambungan**

<b>Jenis Kes</b>	<b>Tempoh Penyelesaian</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Peratus</b>
Nafkah 'iddah S. 66	1 bulan	-	-
	3 bulan	4	0.8
	5 bulan	1	0.2
	7 bulan	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>1.2</b>
Ubah Perintah Nafkah S.67	1 bulan	1	0.2
	3 bulan	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>0.4</b>
Tunggakan nafkah S.70	1 bulan	1	0.2
	3 bulan	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>0.4</b>
	1 bulan	2	0.4
Nafkah anak S.73(1)	3. bulan	12	2.4
	5 bulan	6	1.2
	<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>4.0</b>
	1 bulan	-	-
Ubah perintah nafkah anak (S.76)	3 bulan	8	1.6
	<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>1.6</b>
	1 bulan	1	0.2
Hadhanah S.82	3 bulan	-	-
	5 bulan	1	0.2
	7 bulan	1	0.2
	<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>0.6</b>
Harta Sepencarian S. 122	1 bulan	0	0
	3 bulan	1	0.2
	5 bulan	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>0.2</b>
Pelaksanaan Perintah S .154	1 bulan	3	0.6
	3 bulan	1	0.2
	5 bulan	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>0.8</b>
<b>Jumlah</b>		<b>500</b>	<b>100</b>

Sumber: Borang Maklumat Kes

Jadual 5.5 menunjukkan 183 atau 36.6 peratus daripada kes yang dikaji ialah kes yang didaftarkan pada tahun 2002 manakala selebihnya iaitu 315 atau 63 peratus kes yang dikaji didaftarkan pada tahun 2003. Meskipun terdapat dua kes atau 0.4

peratus yang didaftarkan pada tahun 2001 namun ia diselesaikan secara suhu pada tahun 2002.

Jadual 5.6 pula menunjukkan sebanyak 77 daripada 500 kes yang dikaji atau 15.4 peratus kes yang dikumpulkan ialah kes-kes berkaitan poligami, nafkah anak, mut'ah, nafkah 'iddah, tunggakan nafkah, nafkah isteri, hadhanah, harta sepencarian dan lain-lain. (Kes- kes ini ialah kes yang dituntut secara berasingan dari kes perceraian). Selebihnya iaitu 423 kes atau 84.6 peratus ialah kes-kes berkaitan perceraian (s.45, s.47, s.50 dan s.53). Jadual ini menunjukkan tidak banyak perbezaan tempoh yang diambil untuk menyelesaikan jenis-jenis kes tersebut. Ini bermakna jenis kes yang dituntut tidak memberikan kesan terhadap tempoh yang diambil untuk menyelesaikannya kerana secara purata semua jenis kes iaitu 438 daripada 500 kes yang dikaji atau 87.6 peratus dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan atau kurang dari tiga bulan.

**Jadual 5.7: (Tempoh Penyelesaian: 500 kes)**

Bil	Tempoh Penyelesaian	Jumlah Kes	Peratus
1	1 bulan (1-30 hari)	220	44.0
2	3 bulan (31-90 hari)	219	43.8
3	5 bulan (91- 150 hari)	46	9.2
4	7 bulan (151-210 hari)	13	2.6
5	9 bulan (211-270 hari)	2	0.4
	<b>Jumlah</b>	<b>500</b>	<b>100</b>

Sumber: Borang Maklumat Kes

Secara kesimpulannya, jadual 5.7 menunjukkan dari 500 kes yang dikaji, 220 atau 44.0 peratus daripadanya mengambil masa antara sebulan atau kurang dari sebulan untuk diselesaikan, malah kajian ini mendapat terdapat banyak kes-kes yang

diselesaikan dalam tempoh sehari sehingga tujuh hari.<sup>45</sup> 219 daripadanya atau 43.8 peratus diselesaikan dalam tempoh tiga bulan dan kebanyakannya diselesaikan kurang dari tiga bulan<sup>46</sup>; dan hanya 61 atau 12.2 peratus kes yang mengambil masa lebih dari tiga bulan untuk diselesaikan<sup>47</sup>

Suatu yang agak menarik ialah, kajian ini juga menunjukkan tuntutan perceraian yang juga melibatkan beberapa tuntutan lain seperti nafkah ‘iddah, mut’ah dan harta sepencarian yang menurut amalan biasa dikemukakan secara berasingan dan memakan masa perbicaraan dalam tempoh yang agak lama telah dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa jam sahaja.<sup>48</sup>

Dalam kes sulu Mahkamah Rendah Syariah Klang<sup>49</sup> yang dikemukakan di bawah seksyen 47 EUKIS 4/84 dan melibatkan tuntutan nafkah anak, hak penjagaan dan hak lawatan yang berbangkit dari pemohonan perceraian. Kes ini telah didaftarkan di Mahkamah pada 14 haribulan Ogos 2002 dan diselesaikan melalui

<sup>45</sup>Sebagai contoh kes-kes yang bernombor 10005-011-21/03, 10005-055-43/03; 10006-055-18/02; 10006-011-1/03; 10006-055-6/03; 10006-055-1/03; 10006-011-3/03; 10003-054-153/02; 10003-054-154/02; 10003-055-102/02; 10003-055-105/02; 10003-054-116/02; 10003-054-115/02; 10006-055-6/03

<sup>46</sup>Sebagai contoh kes-kes yang bernombor 10006-054-10/03; 10006-024-1/03; 10006-024-06-03; 10008-055-45/02; 10008-055-38/02; 10008-054-66/02; 10003-054-112/02; 10003-055-122/02, 10003-055-124/02; 10011-024-2/02; 10011-036-2/01; 10011-055-11/03; 10011-055-50/03

<sup>47</sup>Seperi kes-kes bernombor 10003-055-12/02, 10003-055-29/02, 10003-055-33/02, 10008-054-100/03, 10008-055-144/03, 10006-055-07/03, 10006-054-25/02, 10006-028-02/02, 10006-054-34/02, 1005-024-09/03, 1002-055-97/03, 10002-055-186/03, 10002-055-52/02, 10002-024-1/03, 10002-054-68/03, 10002-054-74/03, 10002-055-20/03, 10008-024-25/03, 10008-054-97/03, 10008-054-109/03, 10008-055-151/03, 10010-055-66/03, 10006-055-17/02, 10006-028-07/02.

<sup>48</sup>Temubual dengan Pegawai Sulu MRS Klang 25/2/2003 jam 11.30 pagi. Antara contoh kes-kes tuntutan sampingan yang diselesaikan bersama-sama kes perceraian ialah kes-kes bernombor 10005-054-10/03, 10003-054-29/03, 10003-055-33/03, 10003-055-26/03, 10003-055-35/03, 10003-055-36/03, 10003-05540/03, 10003-055-49/03, 10003-055-51/03, 10003-055-27/03, 10006-055-21/02, 10003-054121/02, 10003-055-122/02, 10003-054-86/02, 10003-055-87/02, 10005-055-79/02, 10011-055-37/02, 10011-055-55/02, 10006-055-21/02, 10006-054-6/03, 10006-055-18/02, 10010-055-69/03. Secara jelasnya kesemua tuntutan perceraian mempunyai tuntutan sampingan yang diselesaikan secara bersama.

<sup>49</sup>Kes Mal bil 10003-055-03/105 MRS Klang (Kes yang tidak direkodkan)

proses sulh pada tarikh yang sama iaitu pada 14 Ogos 2002 dan dikeluarkan sebagai satu perintah Mahkamah juga pada tarikh 14 Ogos 2002.

Begitu juga dalam kes sulh<sup>50</sup> yang dikemukakan di bawah seksyen 56 EUKIS 4/84 dan melibatkan tuntutan mengenai mut'ah, nafkah anak, hak jagaan anak dan hak lawatan. Kes ini telah didaftarkan pada 27 hb Julai 2002, menjalani sesi sulh pada 31 hb Julai 2002 dan telah dikeluarkan sebagai satu perintah Mahkamah pada tarikh 31 hb Julai 2002. Mengikut sulh yang dicapai pihak defendant telah bersetuju untuk; membayar mut'ah sebanyak RM4000 dengan dua kali ansuran; membayar nafkah anak sebanyak RM250 sebulan; hak jagaan anak diserahkan kepada plaintiff (ibu) dan hak lawatan diberikan kepada defendant (bapa) pada masa-masa yang munasabah dengan syarat dimaklumkan kepada ibu terlebih dahulu. Atas persetujuan bersama juga, pihak plaintiff tidak akan membuat apa-apa tuntutan lain selepas ini dan tidak akan menghalang defendant dari melawat anak.

Perkembangan terbaru menunjukkan pada tahun 2004, tarikh untuk mengadakan sulh akan ditentukan apabila pihak-pihak mendaftarkan kes. Ini bermakna pihak-pihak akan mendapat tarikh untuk menghadiri majlis sulh pada hari dan masa pendaftaran kes dibuat. Dengan demikian pihak-pihak tidak perlu menunggu untuk dimaklumkan melalui notis yang biasanya dihantar kepada mereka dalam tempoh dua minggu selepas pendaftaran kes dilakukan.<sup>51</sup>

<sup>50</sup>Kes Mal bil. 10003-016-3/02 MRS Klang (Kes yang tidak direkodkan)

<sup>51</sup>Temubual dengan Pegawai Sulh MRS Hulu Langat pada 8hb April 2004 jam 9.00 pagi

Perkembangan ini menunjukkan bahawa tempoh prosedur untuk penyelesaian sesuatu kes semakin pendek dan lebih efisyen.<sup>52</sup> Dengan demikian adalah diharapkan ia akan memberikan implikasi yang positif terhadap tempoh dan jumlah kes yang akan diselesaikan. Pada kebiasaan apabila persetujuan sulh telah dicapai dan ditandatangani ia akan dibawa terus ke hadapan hakim untuk dikeluarkan sebagai perintah hukuman berdasarkan persetujuan. Namun terdapat kes-kes yang meskipun telah mencapai keputusan sulh dan telah ditandatangani oleh pihak-pihak, tetapi berlaku penangguhan untuk dikeluarkan perintah hukuman berdasarkan persetujuan.

Situasi ini berlaku kerana beberapa faktor, antara yang utama ialah hal-hal pentadbiran seperti ketiadaan hakim semasa kes tersebut ditandatangani, salah satu pasangan tidak hadir, atau terdapat pindaan terhadap persetujuan yang ditandatangani. Selain itu terdapat pihak-pihak yang memohon untuk menangguhkannya ke suatu masa yang lain bagi memastikan mereka benar-benar bersedia dengan keputusan itu.<sup>53</sup>

### **5.3.3. Ketidakhadiran Pihak-Pihak ke Majlis Sulh**

Jika mana-mana pihak yang telah disampaikan notis tidak hadir pada hari yang ditetapkan, ketidakhadiran itu dianggap sebagai suatu penghinaan kepada mahkamah.<sup>54</sup> Pada amalannya, tindakan pihak-pihak akan dianggap menghina

<sup>52</sup> Temubual dengan Pegawai sulh MRS Kuala Selangor pada 26/2/2004 jam 12.30 tgħri.

<sup>53</sup> Temubual dengan Pegawai Sulh MRS Kuala Selangor pada 6/11/03 jam 8.30 pagi, Pegawai Sulh MRS Klang pada 25/02/03 jam 11.30 pagi dan Pegawai Sulh MRS Gombak Barat pada 21/4/03 jam 12 tengahari

<sup>54</sup> Kaedah 3 (a)(b)(c), & 4 KTM(S)S 2001 2001

mahkamah apabila diberikan notis sebanyak tiga kali untuk hadir ke Majlis Suh.<sup>55</sup> Namun demikian berdasarkan laporan, belum ada kes-kes yang dikategorikan sebagai menghina mahkamah. Meskipun tidak ada catatan tentang kes-kes tersebut, ini tidak bermakna bahawa kes-kes sedemikian tidak berlaku, cuma mahkamah tidak mengambil tindakan tersebut atas beberapa alasan, antaranya:

- (a) suluh ialah proses yang berbentuk sukarela, oleh yang demikian pihak-pihak tidak perlu dipaksa untuk hadir
- (b) mahkamah beranggapan bahawa pihak-pihak sememangnya tidak bersedia untuk menyelesaikan kes secara sulu. Oleh kerana itu, apabila pihak-pihak atau
- (c) salah satu pihak tidak hadir, mahkamah mengklasifikasikan kes itu sebagai gagal dan prosiding seterusnya hendaklah dijalankan<sup>56</sup>.

#### **5.3.4. Keanggotaan dalam Majlis Suh**

Suluh hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua belah pihak dan ia hendaklah dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai mahkamah yang dilantik oleh Ketua Hakim Syar'ie bagi maksud itu.<sup>57</sup> Dalam konteks ini proses suluh akan dikendalikan oleh pegawai khusus yang dilantik oleh mahkamah sebagai pengurus dan di Selangor pengurus ini dikenali sebagai Pegawai Sulu. Hanya pegawai sulu dan pihak-pihak bertikai sahaja yang dibenarkan untuk berada di dalam majlis sulu. Jika pihak-pihak mengupah peguam untuk

<sup>55</sup> Temubual dengan Pegawai Sulu MRS Klang pada 25/02/03 jam 11.30 pagi

<sup>56</sup> Temubual dengan Pegawai Sulu Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 26hb September 2003 jam 10 pagi

<sup>57</sup> Kaedah 5 (1) KTM(S)S 2001

mengendalikan kes, mereka hanya dibenarkan untuk mendapatkan pandangan kedua dari peguam apabila selesai Majlis Suhu, iaitu sebelum menandatangani perjanjian. Peguam tidak dibenarkan mewakili pihak-pihak semasa sesi suhu .

#### **5.3.4.1. Pengerusi Majlis Suhu**

Pada asasnya, suhu dipengerusikan oleh seorang pengantara yang dilantik khusus oleh pihak mahkamah dan di kenali sebagai Pegawai Suhu. Seramai sepuluh orang telah dilantik secara kontrak untuk memegang jawatan sebagai Pegawai Suhu di sembilan buah Mahkamah Rendah Syariah dan seorang di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.<sup>58</sup> Daripada 10 orang Pegawai Suhu tersebut didapati 7 orang daripada mereka adalah lelaki dan tiga orang adalah wanita.

Kajian juga menunjukkan jantina lelaki lebih diutamakan untuk dilantik sebagai Pegawai Suhu. Kecenderungan untuk memilih pegawai dari kalangan jantina lelaki ini berkemungkinan kerana mereka juga boleh ditauliahkan sebagai hakim dan ini memberikan faedah yang besar terhadap pentadbiran mahkamah.

Meskipun telah ada cadangan supaya hakim wanita dilantik di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia, namun dari segi amalannya ia masih lagi boleh

---

<sup>58</sup> Setakat kajian ini dibuat hanya 10 orang pegawai yang dilantik tetapi pada tahun 2004 dua orang pegawai suhu yang baru telah dilantik manakala 2 orang pegawai suhu yang lama telah dilantik ke jawatan hakim dua di MRS S.Alam dan di MRS Hulu Langat.

dipertikaikan kerana dalam proses pentaulihan pegawai suhu sebagai hakim, pegawai-pegawai suhu wanita tidak ditauliahkan sebagai hakim.<sup>59</sup>

#### **5.3.4.1.1. Kompetensi Pegawai Suhu**

Daripada jumlah sepuluh orang, enam orang atau 60% daripada mereka berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia, seorang atau 10% berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dari Universiti Malaya, seorang atau 10% berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Pengajian Islam dari Universiti Mu'tah, Jordan, seorang atau 10% berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti al-Azhar dan seorang atau 10% berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang UIAM (LLB) dan Sarjana Muda Undang-Undang Syariah UIAM (LLBS). Pernyataan ini menunjukkan semua pegawai mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang Syariah samada dari dalam dan luar negara. Dari segi pemantapan profesion ini untuk jangkamasa panjang, hanya seorang pegawai atau 10% yang melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah lanjutan (Sarjana Syariah dan Undang-Undang U.Malaya).

Dari segi kelayakan profesional menunjukkan bahawa 2 orang pegawai atau 20% tidak mempunyai kelayakan profesional<sup>60</sup> manakala 7 pegawai mempunyai kelayakan profesional dalam Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam UKM dan seorang pegawai mempunyai Diploma Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ) UIAM.

<sup>59</sup>Lihat Pekeling Ketua Hakim Syarie 9/2002 Bidangkuasa Pegawai Suhu (Hakim) 1 (b) dan 2

<sup>60</sup>Sedang mengikuti kusus Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam UKM

Oleh kerana jawatan ini baru diwujudkan kebanyakan pegawai yang dilantik merupakan mereka yang masih junior dan baru. Dari segi pengalaman kerja sebelum menjawat jawatan ini, majoriti pegawai tidak berada dalam profesi berkaitan, kecuali tiga dari pegawai, memiliki Sijil Amalan Guaman Syar'ie dari Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan dan pernah menjadi Peguam Syar'ie di negeri-negeri tersebut. Profesi sebagai Peguam Syar'ie bagaimanapun banyak membantu pegawai untuk memahami tugas-tugas pengantaraan.

Pada prinsipnya, persetujuan sulh di Mahkamah Syariah dicapai menerusi proses mediasi atau pengantaraan dan pada asasnya pegawai-pegawai ini telah diberikan latihan mengenai kemahiran pengantaraan pada peringkat awal perlantikan. Namun demikian setakat kajian ini dilakukan belum ada latihan-latihan lanjutan dianjurkan untuk memantapkan lagi profesi sebagai pengantara atau lain-lain kemahiran yang berkaitan.

#### **5.3.4.1.2. Peranan Pengerusi Majlis Sulh**

Pengerusi dalam Majlis ini berperanan sebagai pengantara yang bertanggungjawab membantu pihak-pihak berunding untuk mencapai penyelesaian dalam perkara-perkara yang dipertikaikan. Ini bermakna penyelesaian pertikaian dilakukan secara sukarela berdasarkan persetujuan pihak-pihak sendiri dan Pegawai Sulh atau Pengerusi tidak boleh memaksa pihak-pihak untuk menerima

penyelesaian.<sup>61</sup> Secara ditilnya, tugas seorang pengerusi boleh dijelaskan seperti berikut:

#### **5.3.4.1.2.1. Mendengar dan Mengambil Keterangan**

Dalam proses mencapai penyelesaian, Pengerusi hendaklah memberi peluang kepada pihak-pihak untuk didengar keterangannya dan dia juga boleh mengambil keterangan daripada pihak-pihak itu, menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan dan jika difikirkan perlu, pengerusi boleh menangguhkan Majlis suluhan dari masa ke semasa.<sup>62</sup>

#### **5.3.4.1.2.2. Bersikap Adil Dan Berkecuali**

Pegawai/Pengerusi Majlis Suhu dalam menjalankan tugasnya hendaklah sentiasa bersikap adil dalam memberikan peluang kepada pihak-pihak untuk mengemukakan pandangan, tidak bersifat berat sebelah (*impartial*) atau menyebelahi mana-mana pihak dalam proses penyelesaian tersebut.<sup>63</sup> Dia juga hendaklah sentiasa berkecuali (*neutral*) dalam erti tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan pihak-

---

<sup>61</sup>Bab 3 (d) Manual Kerja Suhu Mahkamah Syariah Negeri Selangor

<sup>62</sup>Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Suhu Selangor 2001

<sup>63</sup>Untuk mengelakkan bias terhadap mana-mana pihak dalam pertikaian tersebut fail-fail asal yang mengandungi pernyataan atau fakta kes (contohnya jika kes itu telah melalui proses perbicaraan dan ditangguhkan untuk suatu tempoh yang agak lama atau hakim dalam proses perbicaraan mendapat ada kemungkinan untuk mencapai suluh) tidak akan dikemukakan kepada Pegawai Suhu. Pegawai Suhu hanya akan mendapatkan pandangan awal tentang sesuatu kes melalui pertemuannya dengan pihak-pihak tanpa merujuk kepada fail induk. Temubual dengan Pegawai Suhu di MRS Klang (25hb Februari 2002 jam 11.30 pagi), Petaling (28 hb Februari 2002 jam 10 pagi), Kajang (7hb Mac 2002 jam 9.30 pagi) dan Gombak Barat (Kuang) (21hb April 2002 jam 12 tengahari)

pihak bertikai.<sup>64</sup> Keperluan-keperluan ini adalah penting untuk menjamin keadilan terhadap keputusan yang bakal dibuat.

#### **5.3.4.1.2.3. Merahsiakan Segala Maklumat**

Sebagai orang tengah yang diamanahkan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut, Pegawai/Pengerusi Suhu hendaklah merahsiakan segala perkara yang dibangkitkan dalam Majlis Suhu. Pengerusi tidak boleh mendedahkannya kepada mana-mana pihak, termasuklah Mahkamah selepas Majlis Suhu selesai samada sulu berjaya atau tidak, kecuali setakat mana yang dibenarkan oleh KTM(S)S 2001.<sup>65</sup>

Namun demikian, Pegawai Suhu seharusnya membuat catitan tentang fakta-fakta kes dan bagaimakah persetujuan sulu dicapai oleh kedua-dua pihak. Ini merupakan suatu yang penting, pertama kepada pihak-pihak itu sendiri, di mana mereka dapat mengetahui bagaimana keputusan itu dibuat dan kedua, sebagai satu dokumentasi untuk rujukan pada masa akan datang.

Walaupun proses tersebut bersifat “Sulit dan Persendirian” tetapi pengerusi/Pegawai Suhu boleh memaklumkan kepada pihak-pihak tentang keperluan melakukan catitan. Dalam hal ini pandangan Abū Zakariyya dalam kitabnya *al-īdāḥ* yang menjelaskan tentang kewajaran bagi *ḥakam* atau hakim untuk menulis setiap

<sup>64</sup>Perkara 8(i)(ii) Kod Etika Pegawai Suhu Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

<sup>65</sup>Bab 10 Manual Kerja Suhu Mahkamah Syariah Negeri Selangor dan Perkara 8 (iii) Kod Etika Pegawai Suhu Mahkamah Syariah Negeri Selangor

fakta kes yang melalui proses arbitrasi atau proses perbicaraan perlulah diambilkira dan diadaptasi dalam pengamalan sulu.<sup>66</sup>

Fakta kes yang ditulis ini meskipun bersifat “Sulit dan Persendirian” tetapi untuk tujuan-tujuan tertentu seperti penyelidikan haruslah dipertimbangkan untuk disemak atau diteliti. Sikap negatif dan prasangka dengan menganggap penyelidik-penyalidik cuba mencari kelemahan dan kekurangan dalam sesuatu perkara yang dilaksanakan mestilah dihapuskan. Sikap tidak bersedia untuk menerima teguran dan menganggap “kita adalah betul” haruslah dilontarkan dari diri masing-masing.

#### **5.3.4.2. Pihak-Pihak Yang Bertikai**

Di dalam Majlis sulu pihak-pihak hendaklah hadir sendiri dan tiada Peguam Syar‘ie dibenarkan hadir atau bertindak bagi mana-mana pihak. Pihak-pihak tidak boleh diwakili oleh seorang lain tanpa kebenaran Pengerusi.<sup>67</sup> Meskipun begitu pihak-pihak dibenarkan merujuk kepada peguam syar‘ie untuk mendapatkan pandangan dan nasihat mereka atas keputusan yang dicapai di dalam Majlis sulu.

Tanpa melihat kepada kategori kes-kes yang dituntut, wanita dikenalpasti sebagai golongan yang paling ramai membuat tuntutan di mahkamah. Dari 500 kes yang dikaji seramai 313 atau 62.6 peratus plaintif terdiri dari wanita. Selebihnya iaitu 187 orang atau 37.4 peratus adalah plaintif dari kalangan lelaki. Ini bukanlah suatu

<sup>66</sup>Abū Zakariyyā, Yahyā Ibn Sa‘īd (1994), *al-Idāh fī al-Abkām*, J. 2, ‘Ammān: Wizārah al-Turāth al-Qawmi wa al-Thaqāfah , h. 256

<sup>67</sup>Kaedah 5(2) KTM(S)S 2001

yang menghairankan kerana kaum wanita memang dikenali sebagai pelanggan utama mahkamah syariah.<sup>68</sup>

### **5.3.5. Bentuk-Bentuk Persetujuan/Perjanjian**

Jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan/kes itu;

- (a) Secara keseluruhan atau sepenuhnya Pengerusi atau Pegawai Suhu hendaklah menyediakan satu draf perjanjian penyelesaian yang merangkumi semua isu yang dipertikaikan atau
- (b) pihak-pihak bersetuju menyelesaikan sebahagian besar pertikaian mereka dan rela mengugurkan perkara yang selebihnya, Pengerusi Majlis Suhu hendaklah menyediakan draf persetujuan merangkumi perkara-perkara yang telah dipersetujui atau
- (c) jika kedua-dua pihak secara sukarela menyelesaikan sebahagian dari pertikaian mereka sahaja, manakala perkara selebihnya tidak mahu digugurkan, pegawai suhu boleh menyediakan draf perjanjian penyelesaian merangkumi perkara-perkara yang telah dipersetujui.
- (d) Mengenai perkara yang selebihnya yang masih dipertikaikan, andainya masa untuk sesi sulu tidak ada lagi ataupun pihak-pihak tidak mahu meneruskan sesi

---

<sup>68</sup>Maznah Mohamed dalam artikelnya mendapati bahawa Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan, P.Pinang dan juga di Johor menunjukkan bahawa golongan yang tertinggi sekali membuat permohonan adalah wanita dengan kadar antara 60-62 peratus. Lihat Maznah Mohamad (1999), "Di mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-Undang Keluarga Islam" dalam Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 241. Lihat juga Raihanah Abdullah (2001), "Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah" dalam Raihanah Abdullah (ed), *Wanita dan Perundangan Islam*: Ilmiah Publishers: Petaling Jaya, h. 102

sulh (walaupun masa masih ada) atau jika Majlis Sulh itu tidak dapat mencapai apa-apa persetujuan, Pegawai Sulh/Pengerusi Majlis Sulh hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Pendaftar untuk dibawa terus ke Mahkamah untuk dibicarakan. Ketika melaporkan perkara ini kepada Mahkamah, Pengerusi boleh melampirkan apa-apa nota yang dicatitnya dan boleh membuat apa-apa cadangan yang difikirkannya patut berkenaan tuntutan itu<sup>69</sup>

### **5.3.6. Kes Diserahkan Kembali**

Keredhaan ialah asas utama kepada penyelesaian secara sulh. Meskipun pihak-pihak sememangnya digalakkan untuk mengadakan sulh tetapi mereka tidak boleh dipaksa untuk menerima penyelesaian secara sulh. Pihak-pihak berhak untuk tidak bersetuju terhadap perkara-perkara yang dirundingkan dan menolak penyelesaian tersebut.

Dalam hal ini, KTM(S)S 2001 memperuntukkan sekiranya penyelesaian sepenuhnya tidak dapat dicapai tetapi kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan sebahagian sahaja dari perkara yang dipertikaikan, Pegawai Sulh/Pengerusi Majlis Sulh perlulah memastikan adakah pihak-pihak mahu perkara-perkara yang dipersetujui itu direkodkan dalam satu perjanjian, manakala selebihnya diserahkan kembali kepada Mahkamah untuk dibicarakan ataupun keseluruhan kes itu diserahkan kembali untuk perbicaraan.<sup>70</sup>

---

<sup>69</sup> Kaedah 7 KTM(S)S 2001 dan Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor Bab 5 (c) (d) (e)

<sup>70</sup> Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor Bab 9 (a)

Mahkamah yang menerima laporan (tentang perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan) hendaklah menetapkan tarikh perbicaraan (*hearing*) bagi meneruskan prosiding bagi menyelesaikan kes itu.<sup>71</sup> Tempoh masa untuk meneruskan prosiding ini tidak ditentukan. Sepatutnya Mahkamah mencontohi amalan yang telah dilakukan oleh Negara Mesir yang menetapkan tempoh masa bagi prosiding untuk didengar dalam lingkungan tidak melebihi sebulan bagi mengelakkan berlakunya kes-kes tertunggak. Hal ini juga bertepatan dengan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No.2 Tahun 2001 yang menetapkan kes-kes hendaklah didengar dalam tempoh tiga minggu atau 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes tersebut ialah 30 hari.<sup>72</sup>

### **5.3.7. Pindaan Draf Perjanjian**

Persetujuan yang dicapai melalui kaedah sulh sepatutnya merupakan suatu yang telah difikir serta dipertimbangkan secara teliti dan berhati-hati. Pihak-pihak mestilah telah berpuashati terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui sebelum menandatanganinya. Ini kerana, ia akan mengikat mereka kepada perjanjian tersebut setelah ditandatangani. Oleh yang demikian selagi perjanjian tersebut belum ditandatangani ia tidak akan dianggap muktamad dan pihak-pihak berhak merubah mana-mana terma yang difikirkan patut.

Dalam konteks ini, jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi hendaklah

---

<sup>71</sup>Kaedah 8 KTM(S) S 2001

<sup>72</sup>Dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar.

menyediakan draf perjanjian atau persetujuan terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui dan mengemukakan kepada pihak-pihak untuk diteliti, disahkan serta ditandatangani.<sup>73</sup> Walaubagaimana pun Pegawai Suhu atau Pengerusi Majlis Suhu boleh membenarkan mana-mana pihak merujuk kepada peguam masing-masing draf perjanjian penyelesaian untuk mendapatkan pandangan kedua daripada Peguam Syar‘ie sebelum ditandatangani.<sup>74</sup>

Dalam hal ini pihak-pihak masih mempunyai peluang untuk mengubah draf perjanjian tersebut kerana ia belum ditandatangani, namun pihak-pihak dinasihatkan supaya tidak melakukannya atas pengaruh orang lain. Dalam konteks ini para Peguam Syar‘ie sepatutnya berperanan untuk menasihati anak guam mereka supaya menerima penyelesaian secara sulu tersebut dan bukannya mempengaruhi anak guam untuk menentang pihak yang satu lagi semata-mata untuk mendapatkan keuntungan material dari proses perbicaraan.

### 5.3.8. Penghakiman Berasaskan Persetujuan<sup>75</sup>

Draf Perjanjian Penyelesaian yang telah dipersetujui hendaklah ditandatangani di hadapan Pengerusi/Pegawai Suhu dan Pegawai Suhu hendaklah memastikan bahawa perjanjian penyelesaian itu tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Negeri.<sup>76</sup> Draf itu kemudiannya hendaklah disampaikan oleh Pegawai Suhu/Pengerusi kepada

<sup>73</sup>Kaedah 6 KTM(S)S 2001

<sup>74</sup>Bab 8(d) Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2001

<sup>75</sup>Bab 8 (c) Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2001

Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman berdasarkan persetujuan.<sup>76</sup> Seperti yang dijelaskan sebelum ini, penghakiman seumpama ini tidak boleh diketepikan atas permohonan satu pihak dan catitan penyelesaian secara sulu ini adalah menjadi pembelaan *res judicata* kepada prosiding kemudiannya.

### **5.3.9. Implikasi Kepada Pembatalan (Tarik Balik) Persetujuan Suhu.**

Berdasarkan peruntukan Kaedah 6 KTM(S) Selangor, perjanjian sulu yang telah ditandatangani tidak akan mengikat pihak-pihak sehingga Mahkamah mengeluarkan suatu perintah penghakiman berdasarkan persetujuan. Menurut amalan, apabila perjanjian tersebut dibawa ke hadapan hakim untuk dikeluarkan sebagai perintah, maka hakim akan mengemukakan soalan kepada pihak-pihak samada benar-benar bersetuju terhadap perjanjian yang telah dibuat oleh mereka semasa sesi sulu.<sup>77</sup>

Dalam hal ini, pihak-pihak masih mempunyai peluang untuk tidak bersetuju terhadap perjanjian persetujuan yang telah ditandatangani dan berhak menarik balik persetujuan itu. Dalam konteks ini, sulu tersebut dilihat sebagai suatu perjanjian yang tidak mempunyai kuasa mengikat atau tidak dianggap muktamad sehingga pihak-pihak berhak untuk menarik balik persetujuan sebelum Mahkamah/Hakim mengeluarkan perintah persetujuan.

---

<sup>76</sup>Kaedah 6 KTM(S)S 2001 dan Bab 8 (e) Manual Kerja Sulu Selangor 2001

<sup>77</sup>Kenyataan ini turut diakui oleh Pegawai Sulu Mahkamah Tinggi Syariah di mana menurut beliau pihak-pihak berhak untuk tidak bersetuju terhadap persetujuan yang dicapai dalam Majlis Sulu meskipun ia sudah sampai diperingkat penghakiman (sebelum hakim mengeluarkan perintah)

Dalam kes tuntutan perceraian di bawah seksyen 47<sup>78</sup> plaintif (isteri) telah hadir ke mahkamah bagi mendaftarkan permohonan perceraian melalui borang 6 EUKIS 1984 dan turut memfailkan saman terhadap defendant. Oleh kerana kedua-dua pihak telah bersetuju untuk bercerai dan bersetuju untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan perceraian secara sulu, Pendaftar kemudiannya telah merujuk kes tersebut kepada Majlis Sulu bagi tujuan penyelesaian. Majlis Sulu yang pertama telah diadakan pada 7hb Jun 2002 dan dihadiri oleh kedua-dua pihak. Setelah melalui perbincangan dalam majlis tersebut pihak-pihak telah mencapai persetujuan atas perkara-perkara berikut:

- 1) Hak penjagaan anak akan diberikan kepada plaintif
- 2) Had waktu lawatan anak-anak tidak akan ditentukan. Kebenaran hanya akan diberi melalui persetujuan plaintif
- 3) Harta Sepencharian berjumlah RM20,000 akan diberikan kepada plaintif secara ansuran, pembayaran akan dibuat melalui akaun bank. Jumlah tersebut akan diselesaikan dalam tempoh empat tahun dengan minimum ansuran sebanyak RM 300 sebulan.
- 4) Plaintiff bersetuju untuk tidak mengemukakan lain-lain tuntutan selain dari perkara di atas.

Plaintif dan defendant telah hadir ke mahkamah pada 17 hb Jun 2002 dan setelah sebutan dibacakan, hakim telah membenarkan perceraian di antara plaintiff dan

---

<sup>78</sup> Kes Mal Bil 10005-055-74/2002 MRS Hulu Langat, Lihat juga kes mal bil 10005-055-184/2002 (Kes-kes yang tidak direkodkan)

defendant. Hakim kemudiannya telah merujuk pihak-pihak kepada persetujuan yang telah dicapai semasa sesi suhu. Ketika itu plaintiff telah menyatakan ketidaksetujuannya terhadap perjanjian tersebut. Manakala defendant tetap menyatakan bahawa perjanjian itu adalah sah. Hakim seterusnya memerintahkan pihak-pihak menjalani sesi suhu semula. Mereka telah hadir di hadapan Pegawai Suhu pada tarikh yang sama namun Majlis tersebut telah ditangguhkan pada tarikh berikutnya.

Majlis suhu telah diadakan semula pada 19 hb Julai 2002 dengan kehadiran kedua-dua pihak. Di dalam Majlis Suhu yang diadakan plaintiff telah menarik balik suhu yang telah dibuat dahulu namun defendant tetap berpendapat bahawa keputusan tersebut adalah sah. Pegawai suhu telah meminta kedua-dua pihak berbincang semula, namun pihak-pihak kemudiannya bersetuju untuk membatalkan persetujuan suhu yang telah dibuat dahulu. Pihak-pihak akhirnya telah memfailkan tuntutan-tuntutan selepas perceraian secara berasingan.

Persoalannya kenapakah pihak-pihak diberikan ruang untuk menarik balik persetujuan semasa prosiding penghakiman? Apakah status persetujuan atau perjanjian yang telah dibuat semasa sesi suhu ?

Hakikatnya, meskipun suhu ialah suatu bentuk persetujuan yang dibuat secara sukarela dan pihak-pihak boleh samada bersetuju atau tidak terhadap keputusan tersebut, tetapi ia haruslah dijelaskan, bahawa ketidaksetujuan itu hendaklah tidak berlaku selepas perjanjian ditandatangani. Dengan ertikata lain, apabila persetujuan tersebut telah dipersetujui dan telah ditandangani pihak-pihak tidak boleh sama

sekali menarik balik persetujuan tersebut. Adalah suatu yang amat bersalahan apabila konsep “sulh berasaskan reda meredhai/sukarela” ditafsirkan sebagai pihak-pihak boleh menarik balik persetujuan tersebut meskipun selepas dipersetujui dan ditandatangani, tetapi belum dikeluarkan sebagai suatu perintah penghakiman berasaskan persetujuan !<sup>79</sup>

Dalam konteks yang lain, jika sesi atau kaedah yang dilalui dikenali sebagai mediasi atau konsiliasi atau apa juga nama sekalipun dan persetujuan tersebut diklasifikasikan sebagai sulh,<sup>80</sup> maka fiqh telah menentukan bahawa, apabila pihak-pihak telah mencapai sulh, salah satu pihak tidak boleh memfasakhkan persetujuan tersebut kecuali jika kedua-duanya bersetuju untuk membatalkannya. Jika sulh telah dimeterai<sup>81</sup> atau akad sulh telah berlaku (meskipun secara bertulis) ia akan mengikat pihak-pihak dengan sendirinya meskipun belum dibawa kehadapan hakim untuk di sahkan (*endorsement*). Dalam konteks ini hadith Rasulullah s.a.w: "الصلح جائز بين المسلمين ..... شروطهم الا شرعا حلا" <sup>82</sup> yang menjelaskan tentang amalan sulh perlulah diamati sepenuhnya.

Oleh yang demikian, jika persetujuan/perjanjian yang dimeterai itu disebut sebagai sulh tetapi implikasi kepada perjanjian itu tidak menepati konsep sulh yang sebenarnya, justeru adalah suatu yang tidak tepat jika ia dianggap sebagai sulh !.

<sup>79</sup> Konsep ini difahami oleh semua Pegawai Sulh dan hakim-hakim berdasarkan peruntukan dalam KTM(S)S 2001

<sup>80</sup> Sila rujuk definisi sulh dalam bab kedua

<sup>81</sup> Persetujuan sulh ditandatangani oleh kedua-dua pihak [rujuk prosedur KTM(Sulh) Selangor 2001]

<sup>82</sup> *al-Tirmidhi* (t.t) op.cit., Kitāb al-Aḥkām, bab no. hadis 1352 ما ذكر عن رسول الله (ص) في الصلح بين الناس

Meskipun persetujuan yang dicapai semasa sesi suhu tidak akan mengikat pihak-pihak kecuali setelah perintah mahkamah dikeluarkan, namun amalan ini tidak sepatutnya dijadikan ruang oleh pihak-pihak untuk menarik balik persetujuan yang telah dibuat semasa sesi suhu. Mahkamah juga sepatutnya tidak membuka ruang bagi pihak-pihak untuk menarik balik persetujuan tersebut, kerana ia seperti melakukan kerja yang sia-sia (*fruitless*) malah ia secara jelas menunjukkan pengabaian terhadap prinsip-prinsip yang telah ditentukan oleh syarak selain dari menjelaskan kewibawaan Majlis Suhu, keputusan serta pegawai yang mengendalikannya.

Menurut beberapa orang Pegawai Suhu, kes-kes “tarik balik” ini tidak banyak direkodkan atau dilaporkan. Faktor kekurangan atau tidak adanya kes-kes seperti ini dilaporkan ialah kerana kemungkinan-kemungkinan berikut:

- 1) tidak adanya kecenderungan pihak-pihak untuk mengambil tindakan itu kerana benar-benar memahami tuntutan dan implikasi suhu apabila ia dijelaskan oleh Pegawai Suhu atau;
- 2) pihak-pihak pada umumnya tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan itu atau;
- 3) pihak-pihak sebenarnya mengetahui bahawa mereka mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan, tetapi tidak melakukannya atas sebab-sebab peribadi;<sup>83</sup>

---

<sup>83</sup>Ini biasa berlaku dalam kes-kes permohonan cerai. Sebab-sebab peribadi ialah seperti ingin cepat menyelesaikan kes atau tertekan dengan sikap pihak yang satu lagi dan kebimbangan tidak akan mendapat tuntutan perceraian jika cuba untuk menarik balik persetujuan. Temubual dengan Pegawai-

Dalam hal ini tindakan yang lebih tegas perlu dilakukan untuk menentukan bahawa keputusan yang dicapai semasa sesi sulh dihormati dan dipatuhi. Sepatutnya penghakiman yang akan dikeluarkan oleh mahkamah hanya boleh dianggap sebagai landasan mengukuhkan keputusan yang telah dicapai dan bukan lagi suatu bentuk prosiding (di mana Hakim kemudiannya telah merujuk pihak-pihak kepada persetujuan yang telah dicapai semasa sesi sulh).

Pihak-pihak sepatutnya dijelaskan bahawa keputusan yang dicapai semasa sesi sulh adalah muktamad, selain dari ianya tidak boleh dirayu, ia juga tidak boleh ditarik balik. Oleh yang demikian keputusan yang dicapai oleh pihak-pihak adalah suatu yang telah diamati dengan sebaik-baiknya, difikirkan secara teliti, rasional serta bertanggungjawab dan bukannya keputusan yang didapati secara separuh masak, terdesak dan tanpa pertimbangan yang sewajarnya. Dengan demikian persoalan tarik balik atau membatalkan persetujuan tidak akan timbul. Pihak-pihak juga perlu diperingatkan tentang keperluan mematuhi janji yang telah dimeterai dan kemurkaan Allah s.w.t terhadap mereka yang mengingkari janji yang dibuat.

Suatu yang agak menarik mengenai latar belakang kes ini ialah plaintif sebenarnya bersetuju atas perkara-perkara tersebut (1,2,3&4) kerana desakan yang kuat untuk bercerai. Dengan lain perkataan plaintif tidak akan diceraikan oleh suaminya kecuali bersetuju terhadap perkara-perkara itu. Plaintiff dalam hal ini tidak mempunyai pilihan lain untuk mencapai matlamatnya kecuali bersetuju atas perkara-perkara tersebut meskipun pada dasarnya beliau terpaksa berbuat demikian. Secara

tidak langsung kes ini membuktikan terdapat unsur-unsur keterpaksaan dalam melakukan sulu.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini keredaan ialah asas kepada setiap persetujuan/sulu yang dicapai. Oleh yang demikian pegawai yang mengendalikan majlis sulu sepatutnya sudah dapat memastikan (*trace*) samada ada atau tidak unsur tersebut kerana mereka diberikan hak untuk mendengar dan mengambil keterangan dari pihak-pihak. Kegagalan untuk membuat pemerhatian teliti terhadap perkara ini akan menghasilkan natijah yang tidak baik. Lebih memburukkan keadaan seandainya pegawai yang berkenaan sedar tentang adanya faktor ini, tetapi telah meluluskan juga persetujuan tersebut atas dasar “kerelaan isteri” untuk mengkategorikan kes sebagai “berjaya”. Hakim juga dalam kes ini nampaknya telah terkhilaf apabila merujuk kembali pihak-pihak kepada majlis sulu untuk kali kedua. Secara prinsipnya jika terdapat penolakan dari pihak-pihak untuk menyelesaikan kes secara sulu hakim hendaklah memutuskannya melalui perbicaraan.

Sesungguhnya tindakan ini boleh dielakkan jika persetujuan yang dibuat benar-benar atas kerelaan kedua-dua pihak, dengan demikian tidak timbul soal tidak puas hati dan tarik balik persetujuan tersebut.

### **5.3.10.Kes-kes yang Diputuskan di bawah Prosedur Sulu**

Secara prinsipnya kaedah ini tidak menggariskan jenis-jenis kes yang boleh diselesaikan melalui sulu. Oleh yang demikian rujukan hendaklah dibuat kepada seksyen 245 (2) yang memperuntukkan :

"Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai *Hukum Syarak* ‘’.

Dalam hal ini, hadith Rasulullah s.a.w yang menyebut: "Sulh antara orang-orang Islam adalah harus, kecuali sulh. yang mengharamkan sesuatu yang halal atau yang menghalalkan sesuatu yang haram" telah menggariskan sempadan antara sulh. yang sah dan yang batal. Dengan erti lain, hadith ini telah menggariskan panduan bagi pemakaian sulh. daripada kes-kes yang berbangkit. Para juris juga telah menggariskan beberapa syarat untuk mengharuskan sesuatu kes diselesaikan melalui kaedah sulh, umpamanya suatu hak yang hendak disuluh mestilah dimiliki sepenuhnya oleh pihak-pihak yang menganjurkan sulh.

Begitu pun, risalah (*pamphlet*) sulh yang diterbitkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Selangor mencatatkan, antara kes-kes yang boleh diputuskan menerusi prosedur sulh ialah kes-kes:

- 1- Tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin/pertunangan
- 2- Tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu perceraian (seperti Mut'ah, Nafkah 'iddah Nafkah tertunggak, Harta Sepencarian, Hutang Maskahwin, Tuntutan hak jagaan anak (hadhanah) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas perceraian, Tuntutan nafkah anak,- Permohonan pelaksanaan perintah mahkamah dan Lain-lain perkara (sek. 131 ETMMS(S) 2003 dan sek. 3 KTM(S)S 2001 dan hal-hal lain yang difikirkan munasabah.

**Jadual 5.8: Jenis-Jenis Kes Yang Diselesaikan Secara Sulh (Jan-Okt 2003)**

Seksyen <sup>84</sup> Dan Jenis Kes	Baki	Daftar	Jumlah	Peratus	Jumlah Kategori Kes <sup>85</sup>
13 Persetujuan wali	1	1	2	0.14	24
18(1)c Wali Hakim	0	1	1	0.07	(1.7%)
23(1) Poligami	1	20	21	1.5	
45 Pengesahan cerai	46	255	301	21.8	958
47 Permohonan Cerai	94	508	602	43.6	(69.4%)
49 Khulu'	0	1	1	0.07	
50 Ta'liq	16	28	44	3.2	
53 Fasakh	4	6	10	0.7	
58 Mut'ah	34	34	68	4.9	354
60 Nafkah isteri	2	2	4	0.3	(25.6%)
61.KuasaMahkamah Perintah Nafkah	12	16	28	2.0	
66 Nafkah 'iddah	0	1	1	0.07	
67.Ubah Perintah Nafkah Isteri	14	19	33	2.4	
70 Nafkah Tertunggak	2	8	10	0.7	
73 Nafkah Anak	4	4	8	0.6	
76.Ubah Perintah Nafkah Anak	74	86	160	11.6	
122Harta Sepencarian	20	10	30	2.2	
122Harta Sepencarian	2	2	4	0.3	
82 Hadhanah	9	3	12	0.9	12 (0.9%)
133 Cuai Mematuhi Perintah Nafkah	10	25	35	2.5	45 (3.3%)
154 Perintah Pelaksanaan	3	3	6	0.4	
155 Perintah Pelaksanaan					
168	1	2	3	0.2	
	0	1	1	0.07	
	<b>347</b>	<b>1034</b>	<b>1381</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber: Statistik sulh mengikut pecahan kes oleh Pegawai-Pegawai Sulh Jakess

<sup>84</sup>Susunan seksyen mengikut EUKIS 2003 dan ETMMS(S) 2003

<sup>85</sup>Bidangkuasa Mahkamah Syariah dibahagikan kepada dua: Sivil (Mal) dan Jenayah. Menurut peruntukan yang ada sekarang bidangkuasa sivil merangkumi kesemua kes-kes selain jenayah dan ia termasuklah perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berbangkit dari kedua-dua proses ini. Dalam perbincangan ini pecahan kes dibuat berdasarkan kategori berikut: 1. Tuntutan perkahwinan 2. Tuntutan Perceraian. 3. Tuntutan berkaitan harta 4. Penjagaan anak 5. Lain-lain

Dari sudut amalannya Jadual 5.8 di atas (statistik pecahan kes yang dikemukakan untuk penyelesaian secara sulu untuk tempoh Januari hingga Oktober 2003)<sup>86</sup> menjelaskan lagi kenyataan di atas.

Pada dasarnya, risalah dan jadual di atas menunjukkan bahawa hampir semua kes yang dikemukakan di mahkamah diselesaikan secara sulu. Dari segi amalannya, semua kes (kecuali kes-kes permohonan perceraian dan pengesahan cerai)<sup>87</sup> yang dituntut di mahkamah akan dirujuk kepada pegawai sulu terlebih dahulu untuk diselesaikan secara sulu, kecuali setelah kes tersebut gagal diselesaikan, ia akan dibicarakan oleh hakim.

Persoalannya, adakah semua jenis kes boleh diselesaikan secara sulu dan apakah penetapan ini menepati prinsip yang ditetapkan oleh syarak? Pemerhatian secara langsung terhadap buku daftar sulu dan fail-fail kes menunjukkan terdapat kes-kes yang diputuskan menurut sulu telah lari dari landasan yang ditetapkan oleh syarak. Kes-kes ini menjelaskan bagaimana penyelesaian sulu digunakan secara yang salah untuk mengharuskan tindakan dalam perkara-perkara atau keadaan-keadaan yang tidak dibenarkan oleh syarak.

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab kedua sebelum ini, dalam kes-kes permohonan perceraian yang melibatkan pelepasan hak-hak isteri ia hanya

<sup>86</sup> Statistik Sulu Mengikut Pecahan Kes (Januari hingga Oktober 2003) MRS Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak Barat (Kuang), Gombak Timur (Keramat), Klang, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, Shah Alam (Mac hingga Oktober 2003) Statistik ini tidak termasuk MRS Hulu Selangor, MRS P.Jaya dan MTS Selangor

<sup>87</sup> Akan dibincangkan seterusnya di bawah tajuk yang khusus (Sulu dalam kes-kes permohonan perceraian)

dibolehkan kepada hak-hak terkebelakang seperti nafkah dan maskahwin tertunggak yang menjadi tanggungjawab suami untuk menunaikannya. Namun hak-hak yang masih belum menjadi milik pemunyanya tidak boleh digugurkan. Apa yang menjadi persoalan, dalam kes-kes permohonan perceraian di bawah seksyen 47 EUKIS 4/84 ialah tuntutan-tuntutan yang belum menjadi milik pemunyanya seperti nafkah ‘iddah dan mut’ah juga telah digugurkan. Berdasarkan semakan terhadap fail-fail kes<sup>88</sup> dan buku daftar suhu<sup>89</sup> di beberapa mahkamah, secara jelasnya terdapat kes-kes pelepasan terhadap hak-hak terkehadapan yang belum menjadi milik pemunyanya.

Dalam kes permohonan perceraian di bawah seksyen 47 EUKIS 4/84<sup>90</sup>, plaintif telah memfailkan di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor dan telah melalui Majlis suhu pada 11/6/03. Defendan akhirnya bersetuju untuk bercerai secara baik dan telah mencapai persetujuan bahawa kedua-dua pihak tidak akan membuat sebarang tuntutan atas perkara-perkara yang sabit selepas berlakunya perceraian dan isteri juga telah bersetuju untuk mengugurkan hak-hak mut’ah, nafkah ‘iddah dan hutang dari suami.

<sup>88</sup> Bagi mematuhi prinsip “sulit dan persendirian” penulis hanya dibenarkan, merujuk fail-fail kes yang hanya mempunyai draf perjanjian yang kemudiannya dikeluarkan sebagai perintah mahkamah, manakala fakta kes tidak boleh dirujuk atas sebab tersebut.

<sup>89</sup> Oleh kerana prosedur sulu baru dilaksanakan, rekod sulu tidak dibuat secara jelas dan sistematik dalam bentuk dan format yang sama. Sesetengah Pegawai sulu mencatatkan secara lengkap kesemua persetujuan yang dibuat samada melibatkan tuntutan atau penguguran hak, namun sesetengahnya hanya mencatatkan persetujuan yang melibatkan tuntutan yang dipersetujui untuk diberikan oleh pihak defendant dan plaintif dan sesetengahnya pula tidak mencatatkan apa-apa bentuk penyelesaian yang telah dipersetujui.

<sup>90</sup> Kes Mal No. 10010-055-28/03, lihat juga Kes Mal No. 10010-055-15/03, Kes Mal No. 10010-054 - 11/03, Kes Mal No. 10010-054-9/03, Kes Mal No. 10010-055-32/03 MRS Kuala Selangor, Kes Mal No. 10011-055-43/02, Kes mal No. 10011-055-1/03 , Kes Mal No. 10011-055- MRS Sabak Bernam

Begitu juga dalam kes<sup>91</sup> di mana plaintif yang juga seorang wanita telah memohon perceraian di bawah seksyen 47 EUKIS 4/84. Kedua-dua pihak telah menghadiri Majlis Suhu pada 20/6/02 dan telah mencapai persetujuan untuk bercerai secara baik. Plaintiff juga telah melepaskan suami dari tanggungjawab membayar nafkah ‘iddah, mut’ah dan harta sepencarian.

Dalam kedua-dua kes ini persoalan tidak timbul mengenai pelepasan harta sepencarian dan hutang kerana hak tersebut merupakan hak peribadi yang sabit sebelum perceraian. Namun demikian persolan timbul bagi hak-hak nafkah ‘iddah dan mut’ah yang hanya sabit selepas berlakunya perceraian. Secara prinsipnya ia tidak boleh digugurkan atau dilepaskan kerana perceraian belum berlaku. Tindakan melepaskan hak-hak tersebut sebelum perceraian berlaku secara jelas menyalahi prinsip yang ditetapkan oleh syarak.

Dalam tuntutan yang berkaitan dengan hak anak-anak, mereka juga (para isteri) rela melepaskan hak-hak seperti mut’ah, nafkah ‘iddah, hutang dan lain-lain jika suami bersetuju untuk memberikan nafkah anak. Ini bermakna pelepasan tersebut dilakukan atas alasan “sudah memadai dengan pemberian nafkah anak”.

Dilaporkan dalam satu kes permohonan perceraian<sup>92</sup> yang dikemukakan oleh seorang isteri pada 27/3/2002 kedua-dua pihak, setelah menghadiri Majlis Suhu pada 12/6/02 dan telah mencapai sulu pada tarikh yang sama, telah bersetuju bahawa

<sup>91</sup>Kes mal No. 10008-055-45/02 MRS Gombak Barat

<sup>92</sup>Kes Mal No. 1003-055-62/02 MRS Klang, Lihat juga, Kes Mal No. 10011-055-9/03 Kes mal No.10011-055-43/03, Kes mal No.10011-055-50/03, Kes mal No.10011-055-22/03, Kes mal No.10011-055-43/02, Kes mal No.10011-055-54/02 MRS Sabak Bernam

plaintif telah diberikan hak jagaan terhadap dua orang anak. Defendan telah diberikan hak untuk melawat anak-anak pada setiap hujung minggu dan pada masa-masa yang sesuai. Defendan juga bersetuju untuk membayar nafkah dua orang anak sebanyak RM300 sebulan dan dimasukkan terus ke dalam akaun Plaintiff. Plaintiff dalam kes ini tidak membuat apa-apa tuntutan lain kerana merasakan telah memadai dengan bayaran nafkah anak yang diberikan suami.

Suatu yang perlu dijelaskan dalam konteks ini ialah hak anak dan hak isteri adalah dua perkara yang berbeza. Kedua-dua hak ini perlu ditunaikan oleh suami. Secara automatiknya hak anak menjadi tanggungjawab bapa untuk menunaikannya samada dipohon oleh isteri atau tidak atau samada bapa mahu atau enggan untuk menunaikannya. Hak isteri juga mesti ditunaikan kecuali jika suami diberikan pelepasan oleh isteri (selepas perceraian). Adalah suatu yang tidak adil jika isteri dinafikan haknya semata-mata kerana suatu perkara yang tidak dipertanggungjawabkan keatasnya. Dengan erti lain, dalam kes-kes sedemikian jika isteri membuat tuntutan atas hak-haknya sendiri maka dia perlu bersedia untuk menghadapi kemungkinan bahawa dia tidak akan menerima nafkah anak yang hak jagaannya diserahkan kepada ibu.

Kenyataan bahawa kes-kes pelepasan berlaku sebelum hak-hak ini menjadi milik pemunyanya diperkuatkan oleh penjelasan yang telah dibuat oleh beberapa orang Pegawai Sulh.<sup>93</sup> Cuma kes-kes ini tidak dapat direkodkan dalam bentuk-

<sup>93</sup>Jawapan melalui e-mail oleh Pegawai Sulh MRS Kuala Langat Tuan Saharuddin bin Selamat pada 24/9/2003, temubual bersama Pegawai Sulh MRS Sabak Bernam Tuan Khairul Azwadi pada 26/9/2003 jam 10.00 pagi, Temubual bersama Pegawai Sulh MRS Gombak Barat Tuan Jamil bin Ahmad pada 10/10/2003 jam 4.00 petang, temubual bersama Pegawai Sulh MRS Kuala Selangor Puan

statistik kerana sesetengah Pegawai Suhu tidak membuat catatan dalam buku daftar sulu atau dalam perjanjian persetujuan yang ditandatangani. Lebih menarik lagi apabila terdapat kes-kes pelepasan tersebut dilakukan semata-mata untuk mendapatkan perceraian atas alasan keterseksaan dan tidak sanggup untuk meneruskan perkahwinan kerana penganiayaan yang dilakukan suami, ugutan dan paksaan dari pihak suami seperti "tidak akan menceraikan isteri jika dia membuat tuntutan-tuntutan selepas perceraian".

Di samping itu Mahkamah juga merekodkan persetujuan sulu yang bukan sahaja menggugurkan hak-hak kewangan isteri tetapi juga berkaitan dengan pemeliharaan dan penjagaan anak.

Dalam kes sulu<sup>94</sup> di mana plaintif (isteri) telah memohon perceraian di bawah seksyen 47 EUKIS 4/84. Suami telah bersetuju untuk menceraikan isteri dengan syarat plaintif tidak menuntut apa-apa selepas berlaku perceraian dan memberikan hak jagaan anak-anak seorang lelaki dan seorang perempuan kepada defendant (bapa). Walaupun plaintif diberikan hak untuk melawat tetapi dia tidak dibenarkan membawa anak-anak pulang ke rumahnya untuk bermalam. Plaintiff juga tidak dibenarkan membuat apa-apa tuntutan pada masa akan datang di mana-mana mahkamah. Mahkamah kemudiannya telah mensabitkan perceraian dan merekodkan perjanjian sulu yang ditandatangani sebelumnya sebagai perintah berdasarkan persetujuan bersama.

---

Nik Suhaila pada 2/10/2003 jam 8.30 pagi, temubual telefon bersama Pegawai Suhu MRS Klang Puan Siti Noraini pada 18/11/2003 jam 12 tengahari

<sup>94</sup>Kes Mal 10010-055-67/02 MRS Kuala Selangor, lihat juga kes Mal No. 10011-055-54/02 MRS Sabak Bernam

Amat malang apabila fakta sebenar kes ini tidak dapat diakses. Oleh yang demikian permasalahan sebenar di sebalik kes ini tidak dapat diteliti dengan lebih lanjut. Persoalan-persoalan seperti, kenapakah ibu tersebut begitu obses untuk bercerai atau apakah faktor-faktor lain yang mendorong kepada keputusan ini dibuat tidak dapat dijawab secara jelas.<sup>95</sup> Begitu pun dinyatakan dalam kes ini suami bersetuju untuk menceraikan isteri dengan syarat isteri melepaskan hak jagaan anak kepadanya (defendant). Ia memperlihatkan secara jelas bahawa ibu tersebut berada di bawah keadaan terpaksa apabila suami menetapkan syarat “isteri tidak akan diceraikan kecuali jika dia melepaskan hak hadhanah”. Dengan lain perkataan isteri terpaksa menyerahkan haknya dengan tujuan untuk mendapatkan perceraian. Ia juga menampakkan secara nyata bahawa persetujuan tersebut telah ditandatangani sebelum perceraian berlaku.

Meskipun sesetengah pengkaji beranggapan bahawa kes ini bukanlah suatu yang lazim<sup>96</sup> namun ternyata pihak mahkamah berpendapat bahawa persetujuan sedemikian adalah sah dan kerana itulah permohonan perceraian itu diluluskan. Sedangkan persetujuan secara sulu itu dibuat dalam keadaan tertekan, terpaksa atau tiada pilihan. Kes-kes sebegini bukanlah suatu yang baru malah ia telah menjadi amalan di mahkamah-mahkamah Syariah sejak lama dahulu.<sup>97</sup> Kes-kes ini selalunya diputuskan secara persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak sebelum perceraian dan

<sup>95</sup>Tidak dapat dilihat punca perceraian itu samada atas sebab kemudarat yang ditimbulkan oleh suami atau atas sebab-sebab lain-lain.

<sup>96</sup>Lihat Raihanah Abdullah, (2001) *op.cit.*, h. 113

<sup>97</sup>Lihat kes *Norhaiza dan Saat* (1998) 12 JH (1) 75 dan kes *Safura binti Badarudin dan Azhar bin Arifin* (1999) 13 JH (2) 237 di mana di dalam kedua-dua kes ini isteri terpaksa melepaskan hak penjagaan anak untuk mendapatkan perceraian

mahkamah biasanya selepas mensabitkan perceraian akan merekodkan persetujuan tersebut sebagai “perintah berdasarkan persetujuan bersama”.

Dalam kes *Safura dan Azhar*<sup>98</sup> Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pahang (Temerloh) merekodkan :

“Asalnya kes ini ialah secara persetujuan kedua-dua pihak sebagaimana keterangan yang diberi dan keputusan Mahkamah Kadi iaitu Plaintiff sebagai ibu melepaskan jagaan anak kepada Defendan dengan syarat Defendan menjatuhkan talaq kepada Plaintiff. Penyelesaian secara sult adalah amat baik sekali. Persetujuan ini amt merugikan Plaintiff sendiri (melepaskan hak) sedangkan bercerai itu tak ke mana dan jika tiada perdamaian maka akan bercerai juga. Sekarang ini haknya sudah terlepas ke tangan bekas suaminya. Bolehlah dikatakan Plaintiff lebih mengutamakan perasaan ingin bercerai dari hak jagaan anak iaitu rela melepaskan anak asalkan mendapat perceraian. Sepatutnya sebagai ibu, anak adalah didahulukan dan diutamakan kerana ibu sangat berhak ketika itu. Hidup mati tetap bersama anak. Cuma Plaintiff berkata dia dinasihatkan bercerai dahulu dan menuntut hak jagaan anak kemudian. Plaintiff sebagai seorang yang berpelajaran sepatutnya berfikir semasak-masaknya tentang anak ini, jangan menyerahkan hak penjagaan kepada orang lain. Penyerahan hak ini adalah dibuat atas kerelaan sendiri dan Mahkamah Kadi Temerloh telah merakamkan perintah itu”.

Begitu juga dalam kes *Norhaiza dan Saat*<sup>99</sup> di mana Hakim yang sama telah merekodkan:

“Mengenai keutamaan ibu jelas bahawa sebagai ibu tentulah lebih menyayangi dan lebih sempurna jagaannya. Tapi dalam kes ini Pemohon semasa bercerai telah membuat persetujuan menyerahkan anak ini kepada Penentang dengan tawaran menceraikannya. Dengan itu Mahkamah Kadi Maran telah pun membuat perintah jagaan anak itu kepada Penentang. Ini adalah sikap pemohon yang amat merugikan sudut haknya iaitu lepaskan hak hadhanah asalkan dapat bercerai, Pemohon lebih mengutamakan bercerai yang ikut emosi dari menjaga buah hati. Walaupun proses bercerai itu agak memakan masa tapi Pemohon patut bersabar menahan

<sup>98</sup>(1999) 13 JH (2) 237 *Safura binti Badaruddin dan Azhar bin Arifin*

<sup>99</sup>(1998) 12 JH (1) 75 lihat juga kes *Mohamed Salleh dan Azizah*, (1984) 4 JH (2) 212

emosi itu dan sekaligus mendapatkan hak jagaan anak secara sepenuhnya”.

Adalah menjadi fakta yang tidak dinafikan, jika ibu menggugurkan hak hadhanah yang diperuntukkan kepadanya, maka hak tersebut akan berpindah kepada mereka yang selepasnya.<sup>100</sup> Dalam kes rayuan *Mohamad Salleh dan Azizah*,<sup>101</sup> para Hakim Mahkamah Rayuan telah menegur penghakiman yang dibuat oleh Tuan Kadi Mahkamah Kadi Daerah Kota Setar yang mengatakan “surat perjanjian atau kerelaan yang dibuat antara tuntutan dan jawapan (persetujuan untuk menyerahkan empat orang anak jika perayu -Salleh- menceraikannya) didapati bercanggah dengan hukuman Syarak”. Mereka malah berpendapat sebaliknya iaitu surat perjanjian atau kerelaan itu tidak bercanggah di sisi syarak mengikut *nas Tuhfah* yang bermaksud: “Dari kerana itu kalau *ḥāḍinah* menggugurkan haknya nescaya ia akan berpindah kepada orang selepasnya pula”.<sup>102</sup> Namun demikian, persoalan yang timbul ialah dalam keadaan manakah suhu untuk melepaskan atau menggugurkan hak hadhanah tersebut boleh dianggap sah?

Seperti yang dijelaskan dalam bab yang lepas, dalam mana-mana akad sulu yang dibuat, redha merupakan syarat yang penting untuk memastikan ia adalah sulu yang sah disisi syarak. Sesuatu persetujuan/sulu yang dibuat dalam keadaan terpaksa atau di bawah manipulasi akan dianggap tidak sah dan tidak menimbulkan apa-apa implikasi. Dalam kes-kes hadhanah di atas adalah jelas bahawa ibu berada di bawah

<sup>100</sup> al-Haytami (2001) *op.cit.*, h. 525, al-Ḥaṭṭāb, *op.cit.*, j. 4, h. 218, Ibn ‘Irfah al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 533, al-Syarbīnī, *op.cit.*, j. 3, h. 456, al-Buhūtī (1982), *op.cit.*, j. 5, h. 498. al-Syarwānī (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 359, lihat juga Ibn Qayyim (1986) *op.cit.*, j. 5, h. 452

<sup>101</sup> Kes Rayuan Mal No 1/1981 Mahkamah Rayuan Kedah, *Mohamed Salleh dan Azizah*, (1984) 2 JH 4

<sup>102</sup> al-Haytami (2001) , *op.cit.* h. 525

pengaruh paksaan dan tekanan untuk melepaskan haknya. Oleh yang demikian kesahan sulu tersebut adalah dipertikaikan.

Kenyataan yang lebih penting dalam kes ini ialah sesuatu hak yang hendak digugurkan mestilah menjadi milik pemunyanya secara mutlak. Sama halnya dengan kes pelepasan hak-hak berbentuk kewangan, iaitu seseorang tidak boleh menggugurkan haknya sebelum hak tersebut menjadi miliknya secara sempurna. Dalam konteks ini hak hadhanah juga tidak boleh digugurkan oleh ibu atas asas sulu kerana hak itu belum sabit kepadaannya sebab perceraian belum berlaku.<sup>103</sup>

Oleh yang demikian nas *Tulufah* di atas hendaklah difahami sebagai menjelaskan bahawa sulu dalam kes-kes hadhanah hanya sah dalam keadaan-keadaan berikut:

- Jika ditawarkan oleh *hādīnah* atau ibu yang diberi atau mendapat hak hadhanah tersebut selepas berlaku perceraian.
- Jika ditawarkan oleh *hādīnah* atau ibu yang diberi atau mendapat hak hadhanah dan ia hendaklah dilakukan secara redha atau sukarela.

Oleh yang demikian, adalah salah dalam kes di mana seorang ibu yang telah diceraikan dan belum berkahwin dan mempunyai anak atau anak-anak di bawah umur jagaan (1-9 tahun). Ibu itu layak mendapat hak jagaan anak tersebut, tetapi bapa kepada anak itu mahu mengambil anak itu daripada ibu. Untuk tujuan itu bapa menggunakan kaedah sulu dengan bekas isteri.

---

<sup>103</sup> lihat perbincangan dalam bab kedua di bawah tajuk “sulu selepas perceraian dalam kes bukan harta”

Dalam hal ini meskipun persetujuan secara sulh adalah amat baik sekali namun ia seharusnya dilakukan dengan menepati prinsip-prinsip yang telah ditentukan oleh syarak.

2

Secara kesimpulannya, terdapat dua kecenderungan daripada pihak isteri terhadap tuntutan-tuntutan selepas perceraian<sup>104</sup>

1. Tidak membuat tuntutan semasa permohonan perceraian kerana mahu memfaillkan tuntutan secara berasingan (selepas berlaku perceraian) atau;
2. Tidak membuat apa-apa tuntutan langsung. Dalam konteks ini terdapat dua keadaan yang menunjukkan bahawa isteri melepaskan hak tersebut
  - a) isteri menyatakan secara jelas bahawa dia melepaskan suami dari tanggungjawab membayar mut'ah atau nafkah 'iddah atau lain-lain hak seperti "saya dengan suci hati melepaskan suami dari tanggungjawab ..." atau " saya tidak akan menuntut apa-apa hak ..."
  - b) isteri bertindak mendiamkan diri ~~tidak~~ menyebut secara jelas konteks pelepasan

Antara sebab-sebab kenapa tuntutan terhadap hak-hak seperti hadhanah, mut'ah, nafkah 'iddah, dan nafkah tertunggak isteri dilepaskan:

- 1) Ketidakmampuan suami dari sudut pendapatan atau tanggungan<sup>105</sup>

---

<sup>104</sup>. Temubual bersama Pegawai Sulh MRS Kuala Langat pada 24/9/2003 jam 9.00 pagi, temubual bersama Pegawai Sulh MRS Sabak Bernam pada 26/9/2003 jam 10.00 pagi, Temubual bersama Pegawai Sulh MRS Gombak Barat pada 10/10/2003 jam 4.00 petang, temubual bersama Pegawai Sulh MRS Kuala Selangor pada 2/10/2003 jam 8.15 pagi, temubual melalui telefon bersama Pegawai Sulh MRS Klang pada 18/11/2003 jam 12 tengahari.

- 2) Kerana isteri hanya mahu menuntut cerai. Kebanyakannya bagi kes isteri yang merasa tersiksa dan menderita dalam rumah tangga atau jika perkahwinan diteruskan. Alasan ketersiksaan ini disebabkan oleh beberapa faktor:
- a) Suami; seperti sering bergaduh, memukul dan menganiayai isteri, tidak memberi nafkah, suami berpoligami, ada perempuan lain dan suami terlibat dalam jenayah atau penagihan dadah.
  - b) isteri; seperti perkahwinan paksa, ada lelaki lain, atau sikap negatif isteri yang mengambil jalan mudah dengan bercerai apabila berlaku perselisihan
  - c) campurtangan mertua atau keluarga
- 3) Kaedah penyelesaian yang dipersetujui, contohnya isteri bersedia gugurkan tuntutan harta sepencarian kerana suami bersetuju memberi mut'ah yang lebih tinggi kadarnya atau isteri melepaskan nafkah tertunggak atau hutang kerana suami bersedia memberi harta sepencarian termasuk bahagian yang sepatutnya dia berhak.
- 4) Ugutan suami bahawa dia tidak akan menceraikan isteri jika isteri menuntut hak-hak selepas perceraian. Pada amalannya dalam kes-kes ini pegawai suluhan akan berperanan memberikan nasihat dan peringatan kepada pihak-pihak, namun

---

<sup>105</sup>Kes Mal No. 10010-055-32/02 MRS Kuala Selangor. Dalam kes ini plaintif telah memohon cerai atas alasan ketidakmampuan suami untuk memberikan nafkah kerana suami seorang yang miskin. Kedua-dua pihak telah menghadiri sesi suluhan pada 18/9/02 dan telah mencapai persetujuan untuk bercerai secara baik. Mereka juga bersetuju supaya hak jagaan anak diberikan kepada plaintif. Oleh kerana defendan seorang yang miskin dia berjanji akan membayar nafkah anak bila ada kemampuan kewangan. Menurut pegawai suluhan yang mengendalikan kes ini, isteri tidak membuat tuntutan terhadap hak-hak yang lain atas alasan "semasa perkahwinan pun suami tidak mampu apatah lagi selepas perceraian".

demikian jika isteri tetap dengan keputusannya untuk melepaskan haknya, maka ia dianggap sebagai suatu yang dilakukan atas kerelaan pihak isteri.

Jadual 5.9 di bawah menunjukkan bilangan kes-kes pelepasan hak yang dibuat oleh isteri semasa persetujuan sulu dicapai. Ia menunjukkan peratus yang agak tinggi (23%) bagi kes-kes pelepasan semua hak yang diperuntukkan kepada isteri selepas perceraian. Kes-kes sebegini biasanya melibatkan sebab-sebab yang kedua atau keempat bagi kategori sebab di atas. Jadual ini juga menunjukkan hampir semua kes melibatkan pelepasan peruntukan mut'ah oleh pihak isteri semasa persetujuan sulu dibuat.

**Jadual 5.9: Hak-hak kewangan yang digugurkan**

Bil	Jenis Pelepasan	Bil Kes	%
1	Pelepasan nafkah 'iddah & mut'ah	5	5%
2	Pelepasan mut'ah (suami beri nafkah 'iddah & nafkah anak)	20	20%
3	Pelepasan mut'ah (suami beri nafkah 'iddah)	16	16%
4	Pelepasan mut'ah (suami beri nafkah 'iddah, nafkah anak dan harta sepencarian)	11	11%
5	Pelepasan mut'ah dan nafkah 'iddah (suami beri nafkah anak)	22	22%
6	Pelepasan nafkah 'iddah dan mut'ah (suami beri harta sepencarian)	3	3%
7	Tiada sebarang tuntutan	23	23%
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber: Borang maklumat kes<sup>106</sup>

<sup>106</sup>Kes-kes ini ialah kes yang dicatatkan oleh Pegawai Sulu di dalam fail kes dan buku daftar sulu sepanjang Mei 2002 hingga Oktober 2003. Oleh kerana tidak semua mahkamah membuat catatan berkenaan kes-kes yang diputuskan secara ditil maka maklumat ini hanya diperolehi di beberapa buah

Berdasarkan penjelasan di atas, satu perkara yang perlu difahami ialah bukan semua sebab boleh dijadikan alasan sebagai titik tolak kepada usaha suluhan. Dalam konteks ini seseorang yang diberi kuasa untuk mengadakan suluhan hendaklah dengan secara yang cermat dan teliti serta berhati-hati membuat penilaian tentang sebab atau sebab-sebab yang boleh diberikan pertimbangan kepada timbulnya pertikaian itu dan menuntut penyelesaiannya secara suluhan. Sebab-sebab itu mestilah sebab yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak. Sebab-sebab yang tidak menepati kehendak Hukum Syarak hendaklah diketepikan. Oleh yang demikian suluhan yang dicari dan yang diikuti oleh mahkamah hendaklah suluhan yang direhui oleh Allah s.w.t dan bukannya suluhan yang boleh memenuhi tuntutan masing-masing tetapi mengenepikan hukum dan peraturan Allah s.w.t.

Berbeza dengan apa yang diamalkan di Singapura apabila peruntukan secara jelas menyatakan, kes-kes yang boleh diselesaikan melalui prosedur tahtkim ialah isu perceraian dan perkara-perkara yang berhubung dengan perceraian seperti anak, rumah atau harta sepencarian yang lain, tuntutan nafkah ‘iddah dan mut’ah.<sup>107</sup>

Dalam hal ini pasangan mestilah bersetuju untuk bercerai jika ingin kes mereka diselesaikan di peringkat pengantaraan. Dengan lain perkataan, penyelesaian secara suluhan hanya akan dilaksanakan jika pihak-pihak telah bersetuju atau membuat keputusan untuk bercerai. Seorang Pengantara yang tidak memihak kepada pasangan tersebut akan membantu mereka mencari kata sepakat bagi menghuraikan mahkamah sahaja, iaitu MRS Klang, MRS Sabak Bernam, MRS Kuala Selangor dan MRS Gombak Barat yang mempunyai catitan yang agak lengkap berkenaan kes-kes pelepasan hak yang dibuat sebelum perceraian berlaku.

<sup>107</sup> <http://www.syariahcourt.gov.sg/> Akses pada 20 Januari 2002. Proses mahkamah peringkat Pengantaraan

permasalahan mereka. Begitu pun amalan ini juga berkemungkinan akan melibatkan kes-kes pelepasan hak yang masih belum menjadi milik pemunyanya, kerana proses sulh yang dijalankan hanya berkaitan tuntutan yang akan timbul dari sesebuah perceraian.

### **5.3.10.1. Sulh dalam Kes-Kes Permohonan Perceraian**

Pada prinsipnya sulh tidak terpakai bagi sesuatu kes permohonan untuk mendapatkan perceraian di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 1984.<sup>108</sup> Suatu prosiding untuk mendapatkan perceraian hendaklah mengikut peruntukan yang sedia ada di bawah Enakmen tersebut. Oleh yang demikian semua kes-kes kekeluargaan selain dari permohonan perceraian yang dirujuk ke Mahkamah akan diselesaikan mengikut proses sulh. Begitu pun, menurut Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam selepas beberapa bulan pelaksanaan prosedur sulh, mahkamah mendapati bahawa kes-kes permohonan cerai (sek.47) dan pengesahan cerai (sek.45) ialah kes-kes yang paling banyak difailkan.<sup>109</sup> Jadual 5.10 di bawah menunjukkan jenis dan bilangan kes-kes perceraian yang didaftarkan sepanjang Januari 2003 hingga Oktober 2003.<sup>110</sup>

---

<sup>108</sup>Kaedah 1(2) KTM(S)S 2001

<sup>109</sup>Temubual dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 11 Ogos 2003 jam 8.30 pagi

<sup>110</sup>Statistik Sulh Mengikut Pecahan Kes (Jan-Okt 2003) MRS Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak Barat (Kuang), Gombak Timur (Keramat), Klang, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, Shah Alam (Mac-Okt 2003) Statistik ini tidak termasuk MRS Hulu Selangor, MRS PJaya dan MTS Selangor

**Jadual 5.10: Bilangan dan Peratus Kes Perceraian dari Januari -Oktober 2003<sup>111</sup>**

Seksyen Dan Jenis Kes <sup>i</sup>	Baki	Daftar	Jumlah	Peratus
45 Pengesahan cerai	46	255	301	21.8
47 Permohonan Cerai	94	508	602	43.6
49 Khulu'	0	1	1	0.07
50 Ta'liq	16	28	44	3.2
53 Fasakh	4	6	10	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>160</b>	<b>798</b>	<b>958</b>	<b>69.4</b>

Sumber: Statistik sulu mengikut Pecahan Kes oleh Pegawai Sulu JAKESS

Jadual di atas menunjukkan daripada 1381 (100%)<sup>112</sup> iaitu keseluruhan kes yang dirujuk kepada Majlis Sulu sepanjang Januari hingga Oktober 2003 kes perceraian merupakan sebahagian besar yang dikemukakan untuk penyelesaian secara sulu iaitu sebanyak 958 kes atau (69.4%). Kes-kes perceraian secara talaq (seksyen 45 dan 47) merupakan kategori kes yang banyak sekali dituntut. Walaupun terdapat permohonan bagi kes-kes ta'liq, khulu', dan fasakh namun melalui perbincangan antara pihak-pihak terlibat, pindaan tuntutan tersebut dibuat dari fasakh, ta'liq atau khulu' kepada pembubaran perkahwinan secara talaq.<sup>113</sup> Persetujuan secara rundingan sebegini merupakan suatu perkembangan yang baik.

Oleh yang demikian dari segi amalannya apabila pihak-pihak mengemukakan permohonan di bawah seksyen 45 (pengesahan cerai) dan seksyen 47 (permohonan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 Pindaan 2003, maka Pendaftar/Penolong Pendaftar akan mengambil tindakan untuk memastikan samada

<sup>111</sup> Pecahan ini dibuat berdasarkan statistik mengikut pecahan kes bagi tahun 2003 (Jan-Ok)

<sup>112</sup> Rujuk Jadual 5.8 jenis-jenis kes yang diselesaikan secara sulu

<sup>113</sup> Lihat Kes Mal bil 13-26/2000 MRS Klang. Kes-kes dalam bilangan 6, 7 dan 8 (sek.49, 50 dan 53) tetap didaftarkan di bawah seksyen berkenaan meskipun tuntutan ditukar kepada sek. 47


pihak-pihak sememangnya bersetuju untuk bercerai dan mereka juga bersetuju untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari permohonan tersebut melalui proses sulh.

Apabila pihak-pihak bersedia untuk menyelesaikan tuntutan mereka yang berbangkit dari permohonan tersebut melalui proses sulh mereka akan dikehendakki mengisi borang sebagai tanda persetujuan. Dengan maksud, bahawa sulh yang dilaksanakan hanya akan melibatkan tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari permohonan tersebut. Namun begitu prosedur ini hanya terpakai bagi kes-kes permohonan yang dikemukakan tanpa melalui Peguam. Bagi kes-kes di bawah seksyen 45 dan seksyen 47 yang dikemukakan melalui Peguam, ia dikendalikan oleh Hakim secara perbicaraan.<sup>114</sup> Justifikasi kepada tindakan ini ialah untuk memastikan bahawa kaedah 1 (2) KTM(S)S 2001 dipatuhi.<sup>115</sup> (lihat carta alir proses sulh di bawah seksyen 45 dan 47 Jadual 5.11)

<sup>114</sup> Temubual dengan Pegawai Sulh MRS Hulu Langat pada 7 Mac 2003 jam 8.30 pagi.

<sup>115</sup> Temubual dengan Pegawai Sulh MRS Gombak Barat pada 21hb April 2003 pada jam 12 tengahari

**Jadual 5.11:Carta Alir Pelaksanaan Suhu di bawah Seksyen 45 & 47**



Sumber: Pamphlet Suhu Mahkamah Syariah Selangor D.Ehsan

Bagi kes-kes permohonan yang melibatkan tuntutan-tuntutan yang dibuat secara berasingan, umpamanya tuntutan nafkah tertunggak, nafkah ‘iddah atau harta sepencarian samada dikemukakan melalui peguam atau tidak ia akan dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Kaedah 3 KTM(S)S 2001 iaitu secara automatiknya permohonan akan dikendalikan oleh Pegawai Suh.

### **5.3.11. Kuatkuasa Kebelakangan KTM(S)S 2001**

Pada prinsipnya pemakaian kaedah sulu mengikut KTM(S)S 2001 ini hanya terpakai kepada kes-kes mal yang belum lagi dibicarakan di mahkamah. Bagi kes-kes mal yang pada waktu ini sudah pun didengar sebahagiannya oleh Mahkamah, perbicaraan akan diteruskan dan kaedah baru ini tidak boleh dipakai.<sup>116</sup>

Beginu pun dari segi amalannya terdapat beberapa kes yang telah melalui proses perbicaraan sebelumnya tetapi telah ditangguhkan atas beberapa alasan sehinggalah kaedah ini dilaksanakan. Atas budi bicara hakim yang membicarakan kes-kes ini setelah membuat pertimbangan yang wajar bahawa ruang masih ada untuk kes ini diselesaikan secara sulu maka hakim kemudiannya telah merujuk kes ini kepada Majlis Suhu untuk diselesaikan.

Dalam kes di bawah seksyen 50<sup>117</sup> plaintif telah memohon cerai ta’liq atas alasan bahawa suami telah gagal menunaikan nafkah zahir dan batin dalam tempoh lebih daripada empat bulan. Mereka telah berkahwin pada tahun 1992 dan

<sup>116</sup> Temubual dengan Pegawai sulu MRS Klang pada 25hb Februari 2002 jam 11.30 pagi. Lihat juga Salleh Buang dalam artikelnya “Mahkamah Syariah Perkenal Mediasi” Utusan Malaysia 19hb Nov 2001

<sup>117</sup> Kes Mal bil.057-8/2001 MRS Klang (Kes yang tidak direkodkan)

dikurniakan tiga orang anak. Plaintiff dan defendant selepas berkahwin telah tinggal bersama-sama ibu plaintiff. Plaintiff juga mendakwa bahawa selama satu tahun lima bulan tempoh perkahwinan mereka, defendant tidak memberikan nafkah yang mencukupi.

Dalam pada itu defendant telah berkahwin lain tanpa pengetahuan Plaintiff. Defendant juga didakwa sebagai suka memukul isteri tanpa sebab-sebab yang munasabah dan suka meninggalkan anak-anak dan isteri tanpa memberitahu arah tujuannya. Plaintiff juga dalam tuntutannya memohon mahkamah supaya memerintahkan defendant membayar nafkah anak-anak termasuk perbelanjaan harian dan persekolahan mereka.

Defendant bagaimanapun dalam pembelaannya memberitahu bahawa dia tidak mahu bercerai dengan isterinya kerana masih kasih kepadanya. Defendant juga turut menafikan semua tuduhan dan tuntutan oleh plaintiff. Defendant menjelaskan bahawa pertikaian berlaku kerana campurtangan ibu mertuanya. Ibu mertuanya yang menyuruh isterinya (plaintif) tinggal bersama-samanya kerana dia tidak suka kepada menantunya dan defendant tidak balik ke rumah berjumpa isteri dan anak-anaknya kerana tidak suka dengan sikap ibu mertuanya yang suka mencaci dan memaki hamun defendant apabila defendant ke rumah tersebut.

Defendant membuat pengakuan bahawa dia telah berkahwin lain dengan seorang gadis dari Sabah di Selatan Thailand kerana dicabar oleh plaintiff. Permohonan untuk perceraian ini (ta'liq) telah didaftarkan pada 14/3/2001 dan sebutan pertama dibuat pada 2/4/2001 tanpa kehadiran defendant.

Kemudian pada 9/5/2001 mereka telah dipanggil untuk perbicaraan dan kes ini kemudiannya telah ditangguhkan beberapa kali sehinggalah ke tarikh 31/3/2003. Hakim telah memutuskan supaya kes ini dirujuk kepada Majlis Suhu kerana ada ruang untuk berdamai. Majlis Suhu telah diadakan pada 21 April 2003 dan mencapai penyelesaian pada tarikh yang sama iaitu pada 21 April 2003 dan dikeluarkan sebagai suatu perintah mahkamah berasaskan persetujuan pada tarikh yang sama juga.

Mengikut suluhan yang dicapai pihak plaintif telah bersetuju untuk menarik balik kes ini kerana mementingkan kemaslahatan anak-anak dan lebih mengutamakan kebahagiaan hidup mereka sekeluarga. Defendan juga bersetuju memperuntukkan nafkah isteri sebanyak RM200 sebulan dan dibayar secara tunai kepada isteri pada setiap hujung bulan bermula April 2003.

Kedua-dua pihak juga bersetuju hak jagaan sementara ke atas anak-anak mereka adalah di bawah tanggungan defendan sehingga defendan dapat menyediakan rumah sendiri untuk plaintif dan anak-anak tinggal bersama. Segala peruntukan nafkah anak adalah di bawah tanggungan defendan sepenuhnya termasuk makan minum sehari-hari, persekolahan, perubatan, perayaan dan lain-lain. Hak lawatan sementara keatas anak-anak diberikan kepada plaintif dan plaintif berhak melawat anak-anak pada bila-bila masa yang sesuai.

Defendan juga bersetuju untuk membawa dan menghantar anak-anak kepada plaintif pada bila-bila masa sahaja bergantung kepada persetujuan dan kehendak anak-anak sendiri. Defendan juga bersetuju untuk menyediakan sebuah rumah sewa (untuk sementara) bagi plaintif. Kedua-dua pihak memohon diberi tempoh 3 hingga

4 bulan lagi untuk berpindah ke rumah sewa kerana mahu menyelesaikan beberapa masalah lagi. Di samping itu, defendant akan terus berusaha mencari rumah tetap untuk plaintiff dan anak-anak. Defendant juga berjanji akan berlaku adil kepada plaintiff dan seorang lagi isteri serta akan menyediakan peruntukan yang samarata secara yang sepatutnya sejajar dengan hukum Syarak dalam perkara poligami.

Begitu juga dalam kes permohonan ta'liq<sup>118</sup> di mana plaintiff dalam kes ini telah memohon cerai ta'liq di bawah seksyen 50 EUKIS 4/84. Mereka telah berkahwin pada tahun 1974 di Melaka dan mempunyai tiga orang anak yang masing-masing berumur 25 tahun (lelaki) dan anak perempuan berumur 24 dan 18 tahun. Plaintiff dan defendant pernah bercerai pada tahun 1986 dan kemudian rujuk kembali dalam tempoh 'iddah. Semenjak berkahwin mereka telah tinggal bersama sehingga Mei 1999 apabila defendant keluar dan tidak lagi kembali ke rumah.

Sepanjang perkahwinan defendant tidak memberikan nafkah secara tetap lebih-lebih lagi sepanjang tahun 1990. Plaintiff banyak membantu urusan kewangan keluarga kerana perniagaan defendant mengalami masalah. Defendant juga sejak Mei 1999 tidak pernah memberikan nafkah anak. Plaintiff pernah membuat aduan di Pejabat Agama dan kedua-dua mereka hadir untuk sesi kaunseling tetapi tidak ada penyelesaian dibuat.

Sepanjang perkahwinan plaintiff tidak pernah meninggalkan rumah. Plaintiff juga merasa teraniaya kerana telah dimadukan tanpa pengetahuannya oleh defendant selama 16 tahun dan defendant telah pun mempunyai dua orang anak dengan isteri

<sup>118</sup>Kes Mal bil 13-26/2000 MRS Klang (Kes yang tidak direkodkan)

keduanya. Setelah tiga bulan meninggalkan rumah (mulai Mei 1999) defendant telah kembali ke rumah tanpa pengetahuan plaintiff kerana tidak ada sesiapa di rumah ketika itu.

3

Defendant dalam jawapan pembelaannya menyatakan bahawa dia bertindak meninggalkan rumah kerana pada suatu ketika apabila dia pulang dari kerja luar, dia mendapati pintu pagar rumahnya telah ditukar mangga dan dia tidak dapat memasuki rumah tersebut dan terpaksa bermalam di tempat lain. Keadaan ini menyebabkan dia tidak dapat kembali ke rumah dan tidak dapat menunaikan tanggungjawabnya sebagai suami. Defendant telah mendakwa bahawa isterinya telah derhaka kerana tidak membenarkan dia masuk ke rumah.

Kes ini telah didaftarkan pada 21/6/2000 dan terdapat dua tuntutan: Pertama, Kes mal bil 13-26/2000 di bawah seksyen 50 (cerai ta'liq) EUKIS 4/84 dan kedua Kes mal bil 099-3/2000 dikemukakan oleh defendant di bawah seksyen 156 EUKIS 4/84 (Tuntutan Ex-Parte). Kes pertama mula dibicarakan pada 21/8/2000 sehingga 3/7/2002 di hadapan Hakim Yang Arif Tuan Hj Mukhyuddin bin Hj Ibrahim yang kemudiannya telah berpindah ke Mahkamah Tinggi Shah Alam atas alasan kenaikan pangkat. Kemudian ia dibicarakan dihadapan Hakim Mohd. Fouzi bin Mokhtar (hakim baru) bermula 16/9/2002. Kedua-dua kes ini didengar dan dibicarakan dalam mahkamah terbuka Mahkamah Rendah Syariah Klang. Dalam masa yang sama peguam kedua-dua belah pihak telah berusaha mencari jalan untuk penyelesaian secara baik melalui proses sulh, namun tidak berjaya mencapai penyelesaian.

Kes tuntutan cerai ta'liq seterusnya dibicarakan dengan mengemukakan beberapa orang saksi manakala kes permohonan *ex parte* telah diusahakan penyelesaiannya secara şuh. Namun kesemua ikhtiar ini tidak mencapai apa-apa penyelesaian sehingga kes ini berlanjut selama dua tahun.

Defendant kemudiannya bersetuju untuk menceraikan plaintiff tanpa mendapat sebarang tuntutan termasuk tuntutan mut'ah dan nafkah 'iddah. Kes ini kemudiannya telah dirujuk kepada Majlis Suhu oleh Hakim untuk diselesaikan kerana pihak-pihak kemudiannya bersedia untuk menyelesaikannya secara suh. Majlis suh di antara plaintiff dan defendant telah diadakan sebanyak dua kali pada 14/11/2002 dan pada 24/12 2002, dan setelah berbincang defendant akhirnya bersetuju:

1-Untuk menceraikan plaintiff secara baik ( atas permohonan plaintiff kepada mahkamah, permohonan cerai ta'liq di bawah seksyen 50 EUKIS 4/84 telah diubah kepada permohonan cerai biasa di bawah seksyen 47 EUKIS 4/84 ).

2-Segala tuntutan atau pemberian akan dibincangkan bersama oleh kedua-dua pihak. Segala keputusan mereka akan ~~diberitahu~~ kemudian kepada peguam kedua-dua pihak dan kepada Pegawai Suhu. (Peguam bagi kedua-dua pihak kemudiannya telah mendorangkan satu perjanjian persetujuan yang ditandatangani oleh pihak-pihak)

Pada 17/1/2003 berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak yang telah dibuat di dalam Majlis Suhu Mahkamah telah memerintahkan defendant melafazkan talaq satu terhadap plaintiff dan mulai 17/1/2003 maka tertalaqlah plaintiff dengan talaq satu *raj'ie*( perceraian kali kedua-berjumlah dua talaq) dan plaintiff telah diperintahkan ber'iddah dengan tiga kali suci. Berdasarkan perjanjian persetujuan yang dibuat juga, mahkamah memerintahkan defendant memberikan nafkah 'iddah kepada plaintiff sebanyak RM1500 selama tempoh 'iddah dan memberi saguhati (mut'ah) sebanyak

RM20,000. Bayaran akan dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh defendant menerima bayaran dari KWSP. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju bahawa terma-terma dan syarat-syarat dalam persetujuan ini boleh diubah, diganti dan ditambah atau dibatalkan hanya dengan dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak.

Kedua-dua pihak tidak akan membuat sebarang tuntutan selain dari apa yang dipersetujui di dalam perjanjian ini dan hak kedua-dua pihak adalah terbatas kepada kandungan persetujuan ini. Perjanjian atau persetujuan ini mengikat waris-waris dan pentadbir harta pusaka kedua-dua pihak.

Kedua-dua kes ini merupakan kes-kes yang didaftarkan sebelum prosedur suhl berkuatkuasa, namun demikian atas budi bicara hakim yang mengadilinya kes tersebut dirujuk kepada Majlis Suhl untuk diselesaikan. Apa yang menarik ialah kes ini, yang telah menjalani prosiding dalam tempoh yang agak lama telah diselesaikan secara suhl dalam tempoh yang cepat dan paling penting ia memuaskan hati pihak-pihak bertikai.

### **5.3.12. Kemestian atau Sukarela**

Secara prinsipnya, menurut Islam pihak-pihak kepada pertikaian berhak menentukan samada memilih penyelesaian secara perbicaraan atau sebaliknya. Namun demikian, pihak-pihak digalakkan mengadakan suhl kerana jelas ia memberikan manfaat kepada mereka.

Pada dasarnya, proses sulu di Mahkamah Syariah Selangor merupakan suatu kemestian (*compulsory*) sebelum suatu kes dikemukakan untuk perbicaraan. Kecuali kes-kes yang dikemukaikan di bawah seksyen 45 dan 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 4/1984 (Pindaan 2003). Dengan lain perkataan perbicaraan hanya akan dijalankan jika sulu gagal mencapai persetujuan samada atas keseluruhan atau sebahagian perkara yang dipertikaikan. Prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa usaha yang maksima telah diambil bagi menyelesaikan pertikaian secara damai melalui rundingan antara pihak-pihak dan seterusnya mempercepatkan proses penyelesaian kes.

Sekalipun prosedur tersebut bersifat kemestian atau sukarela, pada prinsipnya ia hanya boleh diteruskan jika pihak-pihak kepada pertikaian tersebut bersedia untuk meneruskannya. Pihak-pihak dalam konteks ini, mempunyai hak samada untuk meneruskannya sehingga mencapai penyelesaian atas keseluruhan perkara-perkara yang dipertikaikan atau sebahagian daripadanya atau menarik diri dan menamatkan proses tersebut pada mana-mana peringkat proses tersebut berjalan, selagi belum ada apa-apa bentuk perjanjian.

Oleh yang demikian apa yang dimaksudkan sebagai prosedur sulu yang bersifat kemestian ialah keperluan untuk melalui prosedur sulu sebelum sesuatu kes dikemukakan untuk perbicaraan dan bukannya kemestian dalam menerima apa-apa cadangan penyelesaian atau membuat perjanjian persetujuan.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pada asasnya pihak-pihak tidak dibebankan dengan tanggungjawab untuk bersetuju dengan cadangan penyelesaian

yang dibuat kecuali jika perjanjian atas penyelesaian tersebut telah dimeterai, maka dalam konteks ini pihak-pihak adalah terikat dengan perjanjian tersebut. Secara jelasnya sulu bertujuan; untuk mencapai penyelesaian pertikaian secara sukarela berdasarkan persetujuan pihak-pihak bertikai tanpa sebarang paksaan. Pihak-pihak bebas untuk menerima penyelesaian bagi perkara-perkara yang dipertikaikan samada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya atau menolak langsung keputusan penyelesaian tersebut.

### **5.3.13. Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Persetujuan**

Seperti yang telah dijelaskan, oleh kerana sulu yang diamalkan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor berdasarkan kepada KTM(S)S 2001<sup>119</sup> dan ia menjadi sebahagian dari perkara yang tertakluk di bawah bidangkuasa mahkamah, maka setiap penyelesaian yang dicapai menerusi sulu ini akan direkodkan sebagai “penghakiman berdasarkan persetujuan”. Ini bermakna, dari segi praktiknya amalan sulu yang dipakai di negara ini lazimnya akan menggunakan mahkamah sebagai kuasa pemutus sesuatu pertikaian meskipun sesuatu kes itu begitu mudah untuk diselesaikan di luar mahkamah.

Amalan yang sama terpakai di Singapura di mana apabila kedua-duanya dapat mencapai satu persetujuan di peringkat pengantaraan, maka Pengantara akan

---

<sup>119</sup>Di kenali sekarang sebagai ETMMS(S)2003

melakarkan surat persetujuan bersama, dan kedua pihak akan mengangkat sumpah di hadapan Hakim bagi pengesahan persetujuan tersebut.<sup>120</sup>

3

#### **5.3.14. Implikasi Tidak Mematuhi Perintah Persetujuan**

Pada prinsipnya oleh kerana penyelesaian pertikaian menerusi sulh dicapai berdasarkan persetujuan dan kerelaan kedua-dua pihak, maka sepatutnya tidak timbul isu mengenai pelaksanaan persetujuan tersebut. Begitupun jika berlaku keengganan oleh mana-mana pihak untuk melaksanakan apa-apa perkara yang dipersetujui melalui sulh, disebabkan persetujuan ini kemudiannya menjadi sebahagian dari perintah mahkamah, maka peruntukan yang berkaitan dalam Enakmen Acara Mal berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah mahkamah bolehlah dirujuk untuk dipakai bagi tujuan pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Berdasarkan penelitian terhadap buku daftar sulh disetiap mahkamah, meskipun tidak terdapat bilangan atau peratus yang tinggi (hanya terdapat 24 kes sepanjang Januari hingga Oktober 2003) tentang pemfailan kes-kes permohonan penguatkuasaan perintah di bawah seksyen 132,<sup>121</sup> ini tidak bermaksud bahawa bilangan kes-kes kegagalan pihak-pihak yang dituntut untuk mematuhi perintah persetujuan yang dikeluarkan rendah dan tidak membimbangkan. Menurut Pegawai-pegawai Sulh yang ditemui,<sup>122</sup> bermula dari pelaksanaan prosedur ini pada bulan Mei 2002 terdapat kes-kes di mana pihak yang dituntut gagal untuk mematuhi perintah

<sup>120</sup><http://www.syariahcourt.gov.sg/> Proses mahkamah- peringkat Pengantaraan akses pada 21 April 2003

<sup>121</sup>Lihat s.147 ETMMS(S) 2003 sila lihat jadual statistik sulh mengikut pecahan kes.

<sup>122</sup>Temubual dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah S.Alam pada 3 Ogos 2003 di Mahkamah Tinggi Syariah S.Alam jam 8.30 pagi

persetujuan yang telah keluarkan oleh mahkamah, seperti kegagalan mematuhi perintah nafkah anak atau nafkah ‘iddah isteri. Namun demikian dalam banyak keadaan pihak yang berkenaan hanya merungut atau membuat aduan lisan tanpa memfailkan kes di mahkamah. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya:

- (1) Tidak sanggup lagi untuk turun naik mahkamah dan melalui proses perbicaraan yang belum tentu kesudahannya
- (2) Kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung untuk memfailkan kes dan menghadiri perbicaraan tidak setimpal dengan hasil yang mungkin diperolehi daripadanya
- (3) Tidak tahu tentang adanya peruntukan tuntutan pelaksanaan perintah atau tidak ambil kisah dengan keadaan yang berlaku.

Mahkamah juga telah menerima beberapa rungutan dari pihak wanita khususnya tentang perintah persetujuan tersebut. Umpamanya, kekesalan mereka terhadap persetujuan yang dibuat, mereka berpendapat bahawa mereka sepatutnya tidak bersetuju untuk menerima kadar mut’ah atau nafkah dalam kadar yang sedemikian, sebaliknya mereka patut mendapat lebih daripada apa yang telah dipersetujui itu. Menurut Pendaftar mahkamah Tinggi Syariah Selangor, rungutan ini timbul antaranya atas sebab-sebab berikut:<sup>123</sup>

---

<sup>123</sup> Temubual dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah S.Alam pada 3 Ogos 2003 di Mahkamah Tinggi Syariah S.Alam jam 8.30 pagi

- (1) Kerana salah tanggapan mereka sendiri dan kurangnya kefahaman terhadap hak-hak mereka
- (2) Sikap ingin cepat menyelesaikan proses perundingan tersebut. Oleh yang demikian mereka membuat persetujuan tanpa pengamatan yang cermat dan teliti

Meskipun kes-kes ini bersifat isolasi namun ia tidak boleh dianggap remeh kerana hakikatnya ia berlaku dan sesuatu tindakan harus dilakukan untuk mengatasinya. Selalunya wanitalah yang menjadi mangsa kepada kelemahan sistem penguatkuasaan perintah mahkamah dan tidak hairanlah jika mereka membuat tanggapan yang negatif kepada Mahkamah dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan.

### **5.3.15. Bidangkuasa Pegawai/Pengerusi Majlis Suhu**

Apa yang agak menarik mengenai kaedah ini ialah, ia hanya mencakupi kes-kes yang berhubung dengan tuntutan-tuntutan yang berbangkit semasa perkahwinan seperti permohonan terhadap nafkah tertunggak atau selepas perceraian seperti permohonan mut'ah, nafkah 'iddah dan lain-lain. Oleh yang demikian bidangkuasa Pegawai Suhu hanya merangkumi pertikaian-pertikaian yang berbangkit dari sebuah perceraian. Dengan lain perkataan, Pegawai Suhu hanya melaksanakan proses konsiliasi dan tidak mencakupi proses untuk memulih dan mendamaikan kembali hubungan suami isteri (*reconciliation*). Sebarang cubaan untuk melakukan proses

mendamaikan kembali pasangan akan dianggap sebagai melangkau i bida ngkuasa yang diperuntukkan kepada Pegawai/Pengerusi Majlis Suhu. Kalaupun berlaku tindakan untuk mendamaikan pasangan semasa proses suhu ia hanyalah dibuat atas pertimbangan (*consideration*) dari pegawai suhu atau sebagai suatu ulasan kembali (*review*) atas keputusan perceraian yang telah diambil oleh pihak-pihak.<sup>124</sup>

Menurut Arahan Amalan 4/2000 (Pindaan 2002) Panduan Pendaftaran Kes Mal, setiap permohonan pendaftaran kes-kes permohonan cerai, cerai ta'liq dan fasakh, laporan kaunseling (dari Unit Perundingan Keluarga Jabatan Agama Islam) hanya akan disertakan "jika perlu". Ini bermakna rujukan kepada Unit Kaunseling atau Unit Perundingan untuk tujuan mendamaikan kembali suami isteri (*reconciliation*) bukan lagi merupakan suatu kemestian.

Satu persoalan yang timbul ialah, siapakah yang bertanggungjawab melaksanakan tugas ini? atau tugas sedemikian tidak relevan lagi memandangkan pihak-pihak sebenarnya sudah sampai ketahap "tidak ingin lagi untuk memberikan peluang terhadap perkahwinan mereka". Seperti kata Parkinson<sup>125</sup>

*"those who have already deliberated and painfully over a decision to separate or divorce do not need to be urged to give their marriage another chance. They could find such exhortations ill-judged and patronising".*

Oleh yang demikian, apabila rujukan kepada proses rundingcara bagi tujuan perdamaian yang dijalankan di Jabatan Agama Islam bukan lagi suatu yang mesti,

<sup>124</sup>Usaha mendamaikan pasangan hanya dilakukan terhadap pihak-pihak yang masih dalam ikatan perkahwinan semasa permohonan dibuat.

<sup>125</sup>Lisa Parkinson (1997), *Family Mediation*, London: Sweet & Maxwell, h. 9-10

maka tanggungjawab tersebut mestilah dipikul oleh Mahkamah Syariah sebagai institusi pertama yang dituju oleh masyarakat bagi menyelesaikan masalah.

Ada benarnya kenyataan bahawa pihak-pihak yang mengemukakan permohonan terutamanya tuntutan di bawah seksyen 47 sememangnya tidak berminat untuk meneruskan lagi kehidupan kesuamiisterian, namun demikian tindakan ini menampakkan suatu bentuk pengabaian terhadap salah satu fungsi suhl iaitu berusaha mendamaikan kembali pasangan yang bertikai (*reconciliation*). Apalah ertinya pelaksanaan suhl yang dapat mempercepatkan penyelesaian kes-kes dan mengurangkan lambakan kes-kes di mahkamah tetapi dalam waktu yang sama kes-kes perceraian semakin meningkat bilangannya!<sup>126</sup> Seperti yang dijelaskan sebelum ini, selain dari bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian yang berbangkit dari perceraian, suhl juga berperanan untuk mendamaikan kembali suami isteri. Namun persoalan ini tidak diberikan tumpuan malah ia bukanlah bidangkuasa yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai suhl.

Beginu pun usaha-usaha ke arah mendamaikan kembali pasangan yang bermasalah hendaklah dilakukan pada peringkat awal sebelum sesuatu petisyen itu difaiklan di mahkamah. Kajian telah menunjukkan bahawa prosedur perdamaian yang bermula setelah kes tersebut berada dalam situasi yang kronik dan kritikal atau prosedur perdamaian yang bermula apabila sesuatu petisyen di faiklan di mahkamah

<sup>126</sup>Berita Minggu 5/9/04 (Pasangan Islam bercerai meningkat 15,469 ) Perangkaan terbaru JAKIM mendapati, Selangor mencatatkan kadar perceraian tertinggi sepanjang tahun lalu dengan 3,158 kes atau 20.4 peratus. Jumlah itu hampir sekali ganda lebih banyak daripada statistik tahun 2002 iaitu 1,977 kes, sekali gus Selangor kekal sebagai negeri yang mencatatkan kes perceraian terbesar dua tahun berturut-turut.

telah menunjukkan peratus kejayaan yang terlalu rendah dan kadang-kadang lebih bersifat sia-sia.<sup>127</sup>

Dalam konteks lain, Pegawai Suhu juga boleh menjalankan tugas-tugas kehakiman. Pegawai Suhu yang boleh menjalankan tugas-tugas kehakiman adalah Pegawai Suhu yang diberi tauliah di bawah seksyen 40(1) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 2/89.<sup>128</sup> Manakala pegawai yang tidak mempunyai tauliah hakim hanya boleh menjalankan kuasa membuat pembahagian dan pengiraan Sijil *Farāiq*.

Berdasarkan bidangkuasa yang diperuntukkan, Pegawai Suhu boleh menangguhkan mana-mana prosiding dan menetapkan tarikh untuk perbicaraan, menjalankan semua tugas dan kuasa hakim yang diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis. Namun demikian untuk mengelakkan dari berlakunya konflik kepentingan, Pegawai Suhu tidak boleh membicara dan memutuskan hukuman bagi kes-kes yang telah melalui Majlis Suhu di bawah pengendaliannya. Mereka juga tidak boleh mendengar dan memutus kes-kes yang berada dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah.<sup>129</sup>

<sup>127</sup> Zaleha Kamarudin, "A Comparative Study of Divorce Among Muslims and Non Muslims in Malaysia", Tesis Ph.d. University of London, 1993, h. 411-14

<sup>128</sup> Meskipun Jabatan Kehakiman Syariah sudah melahirkan kesediaan untuk melantik hakim-hakim wanita namun setakat kajian ini dilakukan hanya pegawai suhu lelaki sahaja yang ditauliahkan sebagai hakim

<sup>129</sup> Pekeling Ketua Hakim Syar'ie 9/2002 Bidang Kuasa Pegawai Suhu (Hakim)

#### **5.4. Kesimpulan**

Keunggulan sulu sebagai kaedah dalam menyelesaikan pertikaian adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Berdasarkan data-data terkumpul dan laporan-laporan media massa menunjukkan, meskipun pelaksanaannya baru berusia setahun setengah, namun ia telah memperlihatkan hasil yang membanggakan dalam menguruskan kes-kes kekeluargaan di Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Selain dari berjaya menanggani masalah kes-kes tertungggak,<sup>130</sup> pelaksanaan kaedah ini juga dilihat mampu memberikan kepuasan hati, di samping beberapa faedah lain seperti pengurangan kos tanggungan pihak-pihak yang bertikai. Apabila masyarakat terus ke mahkamah untuk menyelesaikan masalah, maka adalah suatu yang relevan jika mahkamah menyediakan forum untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan cara yang lebih bersifat kekeluargaan. Namun demikian beberapa kelemahan yang disebutkan di atas seperti tekanan terhadap wanita dalam sesetengah kes tidak harus dipandang remeh, kerana ia akan memberikan kesan jangka panjang terhadap pihak-pihak khususnya dan pentadbiran mahkamah amnya. Meskipun perubahan telah dilakukan kepada sistem yang digunakan untuk memudah serta meringkaskan prosedur-prosedur kehakiman, dalam masa yang sama ia perlulah terus memastikan prinsip keadilan dapat ditegakkan.

---

<sup>130</sup> Lihat Harian Metro 4/9/02 (Suluh bantu selesai kes tertangguh)